SEJAK 1971 SUARA DARI MENARA ILMU

BERITA KAMPUS

ISNIN 23 November 2015 | Jilid 45 Bil 5 | RM1.00 | beritakampus45@gmail.com | ISSN 1397-74436

LAPORAN KHAS | Kelincahan silat cekak berasaskan gerak-geri solat | 10-11

Perkasa nilai kemanusiaan, etika dan kesedaran sivik untuk hadapi cabaran

Universiti melalui seluruh warganya perlu mendokong nilai kemanusiaan, etika dan kesedaran sivik yang tinggi untuk menghadapi kemelut sosial.

Menurut Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail bertitah, masyarakat hari ini sedang tercari-cari pihak yang dapat menjadi penawar atau *solution* terhadap pelbagai masalah sosial yang menghimpit kehidupan seharian.

Bertitah kepada 376 orang graduan Sidang Pertama Upacara Konvokesyen Ke-52 USM di USM Kampus Induk pada 17 November 2015, baginda bertitah, siswazah universiti seharusnya menyahut seruan tersebut dengan bekalan ilmu intelektual dan nilai kemanusiaan.

"Saya percaya siswazah USM mampu menjadi solution tersebut dalam menggerakkan Malaysia menjadi negara maju yang mempunyai rahmah atau kasih sayang, kesejahteraan dan kemakmuran kepada rakyat serta jiran serantau dengan objektif yang jelas dan tadbir urus yang baik," titah baginda lagi.

Raja Perlis itu turut menyeru agar para siswazah sentiasa mengingati pengorbanan ibu bapa.

Seramai 5,665 orang graduan menerima ijazah masing-masing pada Upacara Konvokesyen USM kali ini termasuk 3 orang yang telah meninggal dunia menerimanya secara anumerta.

Yang turut menerima ijazah ialah Menteri Riset, Teknologi dan Pendidikan Tinggi Indonesia Profesor Dr. Mohamad Nasir dan Pengerusi K.L.E. Society India Dr. Prabhakar Basaprabhu Kore dengan ijazah kehormat Doktor Pendidikan dan Presiden Taylor's University Profesor Dato' Dr. Hassan Said yang dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus. **[mprc.usm.my]**



TITAH Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail bertitah pada Sidang Pertama, Upacara Konvokesyen Ke-52 USM pada 17 November 2015 di Dewan Tuanku Syed Putra.

Gelang penyelamat sistem ADNAN untuk kecemasan

Oleh **DOUGLAS ELLIOT**

Bayangkan anda ialah seorang pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan hemodialisis dengan segera dan anda kini menghadapi bencana banjir yang paling teruk, apakah yang anda akan lakukan?

Situasi sebeginilah yang dialami oleh mangsa-mangsa banjir di Kelantan pada tahun lepas yang mana dalam keadaan kelam-kabut mereka dipindahkan ke pusat rawatan dialisis Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) tanpa sebarang dokumen kesihatan mengenai rekod perubatan mereka.

Menyedari keadaan ini dan bagi mengelakkan kesulitan berulang, sebuah produk inovasi Universiti Sains Malaysia (USM) bakal diguna pakai dalam satu projek perintis persediaan menghadapi banjir di Kelantan yang diberi nama sebagai sistem Advanced Dialysis Nephrology Application Network (ADNAN).

Dipelopori oleh Ketua Unit Pusat Sumber Penyakit Buah Pinggang Kronik (CKDRC) Pusat Pengajian Sains Perubatan USM, Pofesor Madya Dr. Azreen Syazril Adnan, dengan kolaborasi bersama Fakulti Pengkomputeran, Universiti Teknologi Malaysia, sistem ini telah diguna pakai sejak tahun 2013 lagi dengan penyertaan lima buah pusat dialisis swasta di Kelantan sebagai permulaan.

Ringkasnya, sistem pintar ini berupaya untuk memantau dan merekod maklumat mengenai pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan hemodialisis secara bersepadu dan selaras ke dalam sebuah peranti yang berbentuk sebuah gelang. Data ini kemudiannya boleh diakses secara mudah oleh paramedik di pusat-pusat rawatan dialisis bagi mengetahui sejarah perubatan pesakit berkenaan.

"Semasa banjir teruk pada tahun 2014, lebih kurang 80% daripada hospital di negeri Kelantan tidak beroperasi dan daripada jumlah ini, 80% daripada jumlah pesakit dialisis dipindahkan ke HUSM. Masalah yang berlaku seterusnya ialah kesukaran bagi mendapatkan maklumat perubatan dan identifikasi pesakit," jelas Dr. Azreen.

"Sebagaimana peristiwa ribut taufan Katrina yang melanda Amerika Syarikat pada tahun 2005, pakar nefrologi di sana mencadangkan pesakit dialisis menggunakan baju berwarna ungu agar mudah dikenal pasti sebagai pesakit dialisis dan dipindahkan ke pusat rawatan," ujar beliau lagi.

Oleh itu, gelang berwarna ungu dan merah jambu ini membolehkan pengenalpastian pesakit dialisis di mana-mana pusat pemindahan secara mudah dan kemudiannya dipindahkan ke HUSM. Kesemua data yang tersimpan dalam cip gelang ini pula boleh diakses melalui imbasan dan sekiranya diberi kebenaran untuk mengakses maklumat itu.

Ditanya bagaimana sistem ADNAN dapat membantu semasa bencana, Dr. Azreen menjelaskan sistem ini membolehkan doktor mengakses maklumat perubatan pesakit justeru dapat mengurangkan risiko penyebaran penyakit darah seperti Hepatitis B dan Hepatitis C dari pesakit kepada staf mahupun pesakit yang lain.

"Dalam operasi seharian HUSM, kami mampu melakukan rawatan dialisis seramai 24 hingga 30 pesakit sehari namun semasa banjir tersebut, kami terpaksa melakukan 100 rawatan dialisis serentak dengan bilangan pesakit mencecah 190 sehari, disulitkan lagi dengan kekurangan staf serta kemudahan," jelas Dr. Azreen lagi.

"Tanpa mengetahui latar belakang pesakit, pihak kami mengambil keputusan untuk menjalankan suatu operasi yang agak berisiko tinggi namun mujur tiada kes penyebaran penyakit dilaporkan," tambahnya lagi.

Selepas pelancaran sistem ADNAN ini, sebanyak 1,000 gelang akan diberikan kepada semua pesakit dialisis yang terdapat di Kelantan.

editorial

Inisiatif manfaatkan siswa-siswi atau sebaliknya?

Dalam Bajet 2016 yang bertemakan 'Mensejahtera Kehidupan Rakyat', salah satu tunjung utama ialah mempersiaga modal insan. Modal insan merujuk kepada remaja yang sedang menuntut ilmu sama ada di peringkat rendah, menengah atau tinggi. Modal insan yang berilmu dapat menjamin masa hadapan negara yang gemilang.

Untuk memastikan semua remaja mempunyai peluang melanjutkan pengajian sehingga pendidikan tinggi, kerajaan telah melaksanakan satu inisiatif yang progresif iaitu penambahbaikan insentif pelepasan cukai bagi menggalakkan pertumbuhan sektor pendidikan tinggi di negara ini.

Kerajaan memutuskan untuk menaikkan had pelepasan cukai daripada RM6,000 kepada RM8,000 bagi setiap anak berumur 18 tahun ke atas yang sedang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara.

Ini merupakan satu inisiatif yang amat baik kerana sekurang-kurangnya dapat mengurangkan beban ibu bapa. Dalam erti kata lain, ibu bapa tidak perlu membayar cukai yang banyak sekiranya anak mereka berjaya melanjutkan pelajaran ke universiti.

Selain itu, untuk meringankan beban perbelanjaan buku seperti buku akademik, jurnal, majalah ilmiah dan juga peralatan pembelajaran berdasarkan kepada keperluan institusi pengajian tinggi (IPT) masing-masing, kerajaan sekali lagi meneruskan pemberian Program Baucar Buku 1 Malaysia (BB1M) yang bernilai RM250 bagi 1.2 juta pelajar.

Sebelum Perdana Menteri membentangkan Bajet 2016 ini, terdapat banyak cakap-cakap yang mengatakan nilai baucar buku akan dikurangkan. Tetapi, ianya hanya khabar angin sahaja.

Inisiatif baucar buku telah dilaksanakan dari tahun 2012 lagi dengan tujuan dapat dimanfaatkan oleh siswa-siswi dari segi akademik. Namun, kebanyakan siswa-siswi telah menyalahgunakan inisiatif ini.

Kebanyakan siswa-siswi akan menggunakan baucar buku tersebut untuk membeli alat-alat elektronik seperti *hard disk, pen-drive* dan tetikus walaupun barangan tersebut tidak dibenarkan pembeliannya seperti yang telah ditetapkan oleh syarat-syarat BB1M. Untuk mengelakkan salah guna BB1M, kaedah penebusan boleh dibuat hanya di kedai-kedai buku yang diiktiraf sahaja.

Sebagai siswa-siswi universiti dengan status APEX, kita harus bersyukur terhadap segala inisiatif yang telah diberikan oleh kerajaan. Walaupun peruntukan untuk Universiti Sains Malaysia (USM) telah diturunkan sebanyak 17 peratus, tetapi jaminan telah dibuat bahawa kita sebagai siswa-siswi tidak akan menerima impak daripada penurunan tersebut. Yuran pengajian kita juga tidak akan dinaikkan.

Menurut Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Irwan Serigar Abdullah, peruntukan untuk universiti dibuat melalui beberapa proses pertimbangan. Sebagai warga USM, kita harus menganggap peruntukan tersebut sebagai satu cabaran kerana USM mempunyai projek-projek pelaburan sendiri. Dengan ini, USM mempunyai keupayaan untuk menjana pendapatan sendiri.

Walau bagaimanapun, sebagai siswa-siswi yang sedang menuntut ilmu, kita harus memanfaatkan segala insentif yang diberikan oleh kerajaan. Marilah kita bersama-sama memelihara nama USM yang berstatus APEX ini.

Haramkan vape

Vape atau e-rokok merupakan trend terkini yang berjaya menarik perhatian ramai perokok kerana dikatakan boleh mengubah tabiat merokok serta ketagihan mereka. Vape juga digalakkan penggunaannya menggantikan rokok bagi memuaskan ketagihan perokok dan dianggap boleh membawa impak positif kepada mereka berbanding merokok secara tradisional. Namun sepatutnya kerajaan meneliti dengan cermat dari segi pelaksanaan undang-undang dalam membuat keputusan mengharamkan atau membenarkan penggunaan rokok elektronik di negara ini.

Vape dikatakan selamat kerana ia satu sistem peralatan penghantaran nikotin berbentuk cecair tanpa bahan penyebab kanser. Dakwaan ini telah dibuktikan oleh pakar akademik melalui kaji selidik mereka pada peringkat antarabangsa dan mengesahkan penggunaan peralatan ini adalah selamat. Namun, penjelasan ini hanya memberikan manfaat kepada penghisap rokok dengan menwujudkan senario merokok yang semakin serius dalam kalangan masyarakat.

Justeru, kerajaan sepatutnya memainkan peranan yang penting untuk menentukan keputusan yang bersesuaian dalam isu ini kerana kewujudan vape lebih banyak mendatangkan kesan negatif kepada masyarakat terutama golongan remaja.

Minda remaja mudah terjejas dan senang dijadikan matlamat peniaga mengaut keuntungan dengan memujuk mereka membeli vape yang berharga beratus-ratus ringgit. Keadaan ini seharuslah disekat pada awal lagi kerana dalam fikiran mereka, harga pembelian vape sangat berbaloi berbanding dengan membeli sekotak rokok kerana masa penggunaannya sangat lama iaitu lebih dari dua bulan.

Hal ini berbeza dengan sekotak rokok yang berharga RM13.80 yang boleh dihabiskan dalam sehari. Alasan ini cukup kukuh dalam memotivasikan golongan penghisap rokok meneruskan tabiat yang buruk ini dalam kehidupan mereka.

Usaha menghapuskan tabiat merokok di negara kita banyak dijalankan melalui kempen-kempen pemantauan, penyediaan klinik berhenti merokok di seluruh negara, tetapi kesannya masih kurang memberangsangkan.

Usaha-usaha ini sangat mengecewakan, apatah lagi penggunaan vape di negara ini digalakkan untuk menambah buruk ke atas ketagihan penghisap rokok. Selain itu, vape juga mengandungi nikotin yang akan memberi kesan kepada kesihatan bukan sahaja kepada penggunanya tetapi juga orang di sekitar. Jadi, kerajaan hendaklah mempertimbangkan langkah yang berkesan bagi menghentikan penularan trend vape dalam negara ini dengan segera.

Pihak berkuasa teragak-agak untuk menyekat penggunaan vape atas alasan bahawa 80 peratus peniaga-peniaga adalah daripada golongan bumiputera.

Ini merupakan satu alasan yang lemah bagi pihak berkuasa melaksanakan sesuatu yang berkesan bagi menyekat vape dari berterusan.

Kerajaan seharusnya mengawal dan memantau perniagaan ini tanpa memihak kepada golongan tertentu agar kuantiti pembelian di pasaran tempatan dapat dikurangkan. Tindakan ini penting kerana tiada undang-undang yang dibentukan untuk menyekat penggunaanya setakat ini.

Kewujudan vape masih baru

Higher education should also be prioritised

When Budget 2016 was announced on 23rd October 2015 by the Prime Minister of Malaysia, Dato' Sri Najib Tun Razak, some people deemed it as cliché, some rejoiced that they were given the attention and others were caught by surprise and disappointment. It was introduced as the "People's Budget", however, not all would have agreed with it.

Where some sectors were allocated more funds, other sectors sees a slash in their funds. Though education sector received almost 20 percent of the budget, the government decided to decrease the funds allocation for higher education next year.

To reassure the public, the government hastily proclaim that fees for undergraduates studying in public universities would not be increased. The reduction however, caused outcries and worries among the staff of public universities including lecturers as they do not wish to see their salaries and research affected by the slash in funds.

Logically, funds for public universities shouldn't be decreased as education is of utmost importance for the future development of our country. In fact, the government should consider pouring more funds into public universities so that various research and projects can be conducted especially in the field of science and technology.

Alternatively, to overcome the reduction of funds, public universities should put in effort to generate their own incomes. This can be done by collaborating with private organisations to conduct researches and activities. Not only that, universities can also offer consultations for various organisations as another source of income instead of depending on the government financially.

Similarly, the reduction of funds for the Public Services Department (JPA) from RM1.9 million in 2015 to RM1.6 million in 2016 will also reduce the numbers of high-achievers from getting JPA scholarship as competition grows tougher when it is already tough enough. This will then force parents having to fork out huge amount of money to put their children in colleges and universities and also at the same time, having to cope with the skyrocketing living expenses.

However, students can look out for other scholarships as JPA scholarship is not the only scholarship available in Malaysia.

ALAMAT Bilik Berita, Balai Media, Pusat Pengajian Komunikasi
TELEFON 04-6535073
E-MEL beritakampus45@gmail.com

Berita Kampus adalah akhbar makmal pelajar kewartawanan Pusat Pengajian Komunikasi yang diterbitkan bersama Pusat Media dan Perhubungan Awam (MPRC) USM.

Sejak 1971.
Suara dari menara ilmu

APEX Scholar sasar lahirkan siswazah holistik

Sebagai warga USM, kita harus menganggap peruntukan tersebut sebagai satu cabaran kerana USM mempunyai projek-projek pelaburan sendiri. Dengan ini, USM mempunyai keupayaan untuk menjana pendapatan sendiri.

Program APEX Scholar sebagai sebahagian daripada Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (APEX) mensasarkan usaha untuk melahirkan siswazah holistik dengan berfokuskan kepada siswa-siswi yang berpotensi tahap tinggi dalam akademik dan pelbagai bidang lain.

Proses pemilihan calon untuk mengikuti program ini telah berlangsung di Kampus Induk Universiti Sains Malaysia (USM) melibatkan seramai 132 orang siswa-siswi dan lebih 32 orang penemuramah yang melibatkan wakil pelbagai jabatan di USM dari dalam kalangan pensyarah mahu pun pegawai pentadbir pada 7 November 2015.

Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman berkata, antara aktiviti yang dirancang di bawah Program APEX Scholar ialah latihan industri, sangkutan atau 'semester abroad' di luar negara yang akan dilaksanakan melalui kerjasama dengan universiti-universiti yang dikenalpasti termasuk dari Thailand, Jepun, Australia dan beberapa negara lain terutamanya ahli-ahli Asia Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN) serta universiti yang mempunyai hubungan dengan USM melalui MoU dan MoA.

"Kita sedang mengenal pasti dan akan berunding dengan beberapa agensi dan badan-badan korporat untuk membiayai program ini secara berpanjangan dengan jangkaan pemilihan seramai 100 orang siswa-siswi sebagai permulaan berdasarkan proses yang dibuat untuk mencapai tahap akademik dan kecemerlangan yang tinggi," kata Omar.

Tambahnya lagi, dana untuk melaksanakan program ini akan menggunakan Peruntukan Apex biayaan dalaman dan luar.

Program APEX Scholar berusaha melaksanakan program pembangunan strategik intelek dan kepimpinan siswa-siswi, mensasarkan pengembangan bakat dan motivasi tinggi dalam kalangan mereka serta membangunkan perwatakan (character) dan intelek siswa-siswi secara berterusan.

Di samping itu program ini juga berusaha membangunkan potensi siswa-siswi sebagai pemimpin dan pemikir masa hadapan yang berset minda global serta meningkatkan pengalaman pembelajaran yang menyeluruh untuk perkembangan diri dan kerjaya mereka yang dilakukan secara menyeluruh melibatkan pelbagai pihak dari dalam mahu pun luar universiti.

Program ini digerakkan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni) Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein bersama-sama pegawai-pegawainya, Pusat Kecemerlangan Akademik, Penasihatan dan Pembangunan Pelajar (CDAE), para penggawa desasiswa serta pelbagai persatuan dan pertubuhan pelajar termasuk Majlis Perwakilan Pelajar USM.

Menurut Adnan, Program APEX Scholar diharapkan dapat melahirkan siswa-siswi cemerlang dari segi akademik, holistik mempunyai minda global dan paling utama yang mempunyai jati diri untuk membangunkan negara atau nation builders.

"Modul APEX Scholar bermatlamat mengasah bakat ke arah kecemerlangan yang merangkumi domain pembelajaran dan latihan yang holistik meliputi aspek berkaitan kreativiti dan inovasi, pemikiran kritis dan analitis, kepekaan terhadap seni, sejarah dan kemanusiaan dan nilai patriotisme, kemahiran insaniah dan kepimpinan", kata Adnan.

Enam modul yang dibangunkan ialah modul kepimpinan, pengurusan dan pembangunan peribadi; modul pengajian global dan antara budaya, modul yang berkaitan seni, kemanusiaan, sejarah, budaya dan masyarakat, modul Sains, Teknologi, Inovasi dan Kesusahawanan (SITE), modul pembudayaan nilai dan modul komunikasi, bahasa, penulisan dan pemikiran.

Sementara itu, Timbalan Pengarah CDAE Profesor Dr. Hanafi Atan berkata, pihaknya terlibat secara langsung dalam proses pemilihan dan pembangunan modul program ini.

"Kami mendapat kerjasama rapat dengan kepakaran mereka yang telah melaksanakan kaedah atau Model Multiple Mini Interview (MMI) dalam pemilihan pelajar Sains Perubatan yang difikirkan sangat sesuai untuk digunakan juga bagi proses pemilihan calon Program APEX Scholar ini," kata Hanafi yang ditemui ketika sesi perlaksanaan MMI di USM Kampus Induk.

Siswazah yang lahir dari Program APEX Scholar ini diharapkan dapat menguasai 14 nilai utama yang diterapkan antaranya ialah nilai moral dan etika yang tinggi, menguasai daya pemikiran dan kepimpinan, mampu menjana idea dan menyelesaikan masalah serta lain-lain yang berkaitan dengan kemahiran diri yang perlu dalam usaha penjanaan bakat yang dapat membangun dan membina negara pada masa hadapan. **[mprc.usm.my]**

dan telah memberikan impak yang ketara kepada kehidupan seharian. Kesihatan pengguna boleh terjejas kerana vape juga dikira sebagai barang berbahaya yang mengandungi nikotin yang terkandung di dalam cecair, walaupun masih belum ada ujian saintifik yang menunjukkan bahawa vape benar-benar mendatangkan kemudaratan.

Menyekat penularannya merupakan tindakan permulaan yang terbaik. Kerajaan perlu bekerjasama dengan pihak berkuasa, kumpulan pakar, penyelidik yang berpengalaman dalam membuat keputusan usaha ini termasuk penyelidikan yang mengenai impak negatif manfaat kepada pengguna serta meneliti dari aspek undang undang sambil langkah yang efektif tanpa menjejaskan perniagaan tempatan.

There are quite a number of scholarships available too. Students can apply for various scholarships offered by organisations such as Petronas, Shell Malaysia, Sime Darby and Yayasan Khazanah. Students can also consider applying for PTPTN loan in order to ease the financial burden of their parents.

Lastly, the importance of education should be highlighted as it plays a big role in moulding the future generations as the leaders of tomorrow. As Nelson Mandela once said, "education is the most powerful weapon which you can use to change the world".

MMI berupaya pilih yang terbaik

Universiti Sains Malaysia (USM) adalah satu-satunya universiti di Malaysia yang menggunakan model atau mekanisme pemilihan calon-calon siswa-siswi yang dikenali sebagai *Multiple Mini Interview* (MMI) yang sebelum ini digunakan dalam pemilihan calon siswa-siswi Sains Perubatan yang dikatakan mampu untuk memilih calon yang terbaik.

Ditemui ketika pertama kali menjalankan proses pemilihan calon Program APEX Scholar pada 7 November 2015 di USM Kampus Induk, pensyarah di Pusat Pengajian Sains Perubatan selaku perunding penggunaan MMI Dr. Muhamad Saiful Bahri Yusoff berkata, MMI telah digunakan sejak tahun 2005 di United Kingdom dan Amerika Syarikat terutamanya di universiti-universiti terkemuka di sana untuk memilih calon-calon pengajian yang sesuai yang didapati berkesan untuk mendapatkan yang terbaik.

Turut bersama-sama Muhamad Saiful ialah pensyarah Pusat Pengajian Sains Perubatan Dr. Ahmad Fuad Abdul Rahim yang turut terlibat dengan perlaksanaan MMI.

"Kami mengubahsuai atribut mengikut keperluan Program APEX Scholar dengan melibatkan pelbagai pihak dalam menguji kemahiran siswa-siswi yang menekankan bukan hanya kepada pengetahuan tetapi juga 9 aspek lain berbanding dengan temuduga biasa," kata Saiful.

Antaranya ialah kemahiran berbahasa, pengetahuan yang khusus, pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah, kesedaran etika, nilai dan budaya kemahiran komunikasi, kepimpinan/membuat keputusan, bakat istimewa dan kerja berpasukan.

MMI menggunakan 7 stesen yang berasingan secara berterusan secara bergilir dan bergerak dari satu stesen ke satu stesen tanpa menimbulkan kebosanan kepada calon yang menguji kemahiran siswa-siswi dan keupayaan bekerja dalam pasukan tanpa menyedari yang mereka sedang dinilai.

"Kaedah ini sesuai kerana berdasarkan beberapa kajian yang dibuat di luar negara, calon-calon dipilih adalah lebih tepat dengan penerimaan yang sangat baik malah maklum balas daripada siswa-siswi Sains Perubatan USM yang melalui pengalaman ini memberitahu kaedah ini adalah terbaik untuk memilih siswa-siswi pada masa hadapan, telus, ringkas dan paling penting pergerakan perjalanan sangat efisyen, habis serentak, tidak terlalu lama dan tidak terlalu panjang yang pada akhirnya kita berupaya melihat kepelbagaian keupayaan dan kemahiran yang diharapkan menghasilkan calon yang mempunyai kualiti dan impak pendidikan yang sangat memberangsangkan," kata Saiful.

Tambahnya, dengan kualiti yang mencapai satu tahap yang baik tentu sahaja hasilnya juga diharapkan baik dengan melahirkan siswazah yang lain daripada mereka yang tidak mengikuti APEX Scholar yang dengan sokongan semua pihak, USM yakin APEX Scholar mampu hasilkan produk yang diharapkan.

"Usaha ini akan dipantau, diteliti dan dilakukan penambahbaikan yang berterusan pada masa hadapan untuk menjadikan model yang digunakan ini lebih baik dan berkesan," kata Saiful. **[mprc.usm.my]**

Air cendawan produk terbaru

Kelab Malaysia Pertanian Siswazah (MYAGROSIS),, Universiti Sains Malaysia (USM) dalam usaha untuk memperkenalkan produk air cendawan.

Menurut Yang Dipertua Kelab MYAGROSIS USM, Arif Yahya. Air cendawan ini apabila dibotolkan akan mempunyai rasa yang lain di samping khasiatnya akan turut terjejas. Oleh itu, mereka sedang cuba mengkaji cara terbaik untuk membotolkan air cendawan ini agar tahan lebih lama tanpa hilang khasiatnya.

"Kami sudah mempromosikan air cendawan ini kepada siswa-siswi USM dan kebanyakan mereka tidak tahu tentang wujudnya air cendawan dan kami memberi mereka merasa air cendawan ini secara percuma. Kami menghidangkannya dalam keadaan airnya suam-suam kerana rasanya akan lebih enak berbanding jika airnya sejuk" jelas Arif.

"Air cendawan ini sudah wujud dan diusahakan oleh pengusaha cendawan di Pulau Pinang namun usaha untuk mengentengahkannya masih lagi kurang. Selain itu, air cendawan ini juga menggunakan cendawan telinga kera dan bukannya menggunakan cendawan tiram", tambah Arif.

Menurut Alia Amalina, Sains Kemasyarakatan 3, dia belum pernah merasa air cendawan lagi dan ini merupakan kali pertama. Rasanya yang sedap dan dia tidak teragak-agak untuk membelinya sekiranya MYAGROSIS menjualnya kelak.

Selain itu, air cendawan ini juga menggunakan cendawan telinga kera dan bukannya menggunakan cendawan tiram

Siswa-siswi baharu wajib duduki READS

Semua siswa-siswi baharu Saluran Perdana kemasukan 2015/2016 Universiti Sains Malaysia (USM) diwajibkan menduduki semula ujian Reading Evaluation and Decoding System (READS) secara atas talian dengan melayari laman web [reads.usm.my].

Sementara itu, seramai 600 orang lagi siswa-siswi bagi Saluran Perdana 2015/2016 yang masih belum menyempurnakan Profil Higher Education Potential Inventory (HEPI) masing-masing dalam sistem online. Mereka perlu berbuat demikian sebelum menduduki semula ujian READS melalui laman sesawang [hepi.usm.my].

Semua siswa-siswi diwajibkan menduduki READS, tetapi mereka tidak perlu menduduki lagi HEPI sekiranya sudah berbuat demikian.

Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP), Profesor Dato' Dr. Abdul Rashid Mohamed meminta kerjasama semua dekan pusat pengajian memastikan HEPI disempurnakan oleh pelajar untuk tujuan integrated Cumulative Grade Point Average (iCGPA).

"READS ialah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh PPIP USM dalam menilai penguasaan bacaan siswa-siswi melalui ujian yang dijalankan selama 70 minit yang terbahagi kepada tiga sub kemahiran iaitu literal, penyusunan semula dan inferens dengan setiap siswa-siswi perlu menjawab 10 teks berbeza genre dan 60 soalan aneka pilihan," kata Abdul Rashid.

Tambahnya lagi, HEPI pula ialah alat yang dibangunkan oleh penyelidik USM bagi mengukur pencapaian siswa-siswi secara holistik yang merangkumi pencapaian akademik dan pencapaian lain seperti afektif, sosial dan tingkah laku.

"HEPI boleh berfungsi sebagai proses saringan dan juga bagi mengenalpasti perkembangan potensi seseorang siswa-siswi untuk menghasilkan individu yang berpengetahuan, berkemahiran dan berketerampilan secara holistik dan seimbang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan aspirasi USM," jelasnya lagi.

HEPI mempunyai 90 item dan boleh mengukur potensi siswa-siswi secara manual dan secara atas talian. Secara atas talian, HEPI mempunyai 480 set item yang berbeza untuk dijawab oleh siswa-siswi.

Sistem atas talian untuk HEPI dan READS dibuka pada 17 hingga 20 November 2015 iaitu Selasa hingga Jumaat dengan kemudahan makmal komputer akan disediakan di setiap pusat pengajian sekiranya siswa-siswi tidak memiliki komputer atau kemudahan internet.

Lodge your complaint properly through ServisDesk

USMSecure users are encouraged to provide their personal details and specify the internet connection problem while making a complaint to Administration and Assets, Centre For Knowledge, Communication and Technology Center (PPKT) through ServisDesk.

According to Head of Administration and Assets, PPKT, Mr. Wong Heng Cheang, most of the time, USMSecure users missed the part to fill in the specific location that cannot be accessed Wi-Fi in campus. He says that the staffs have to spend more time to detect the source of connection problem if the users did not provide information in details.

"Users are encourage to give some explanation regarding facts and figures of the Wi-Fi connection problem so that it's easier for us to trace the problem", says Wong.

Wong says that USMSecure coverage have reached to three campuses of Universiti Sains Malaysia (USM) by using the same network name. He also states that there are over 5,000 access points (AP) in Main Campus alone. It is impossible for them to check each AP due to the high numbers of AP in one campus.

"We hope that users can give specific name of the location which have connection problem because it can minimise the search of problem", says Wong.

Compared with replying the users through email, Wong says that they prefer to call the users through phone and talk to them immediately regarding the problem they are facing.

Wong says that some users make their complaint to the wrong places in ServisDesk and this delay the solving of the problems.

Kelestarian jadi kursus minor baru

Oleh **NURUL ANIS ATHIRAH AJIZ**

Subjek WSU101 - Kelestarian telah dijadikan kursus minor terbaru kepada siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Akademik (JKA) pada semester ini.

Menurut pensyarah subjek tersebut, Dr Mohd Sayuti Hassan subjek itu telah diluluskan sebagai kursus minor kepada siswa-siswi oleh JKA pada semester ini setelah sekian lama memohon untuk dijadikan sebagai kursus minor.

"Saya memohon supaya subjek WSU101 - Kelestarian dijadikan sebagai kursus minor kerana ingin membantu siswa-siswi mencapai CGPA yang tinggi kerana subjek ini mudah untuk mendapat gred A. Tambahan pula, sesiapa yang tidak tahu tentang kelestarian pada zaman ini adalah orang yang ketinggalan zaman", kata Dr Sayuti.

Pameran Kelestarian ialah salah satu program subjek yang diadakan pada setiap tahun dengan kerjasama bersama Kampus Sejahtera.

"Pada tahun ini pameran kelestarian ini lebih sistematik berbanding pada tahun-tahun lalu yang tidak tersusun dan Kampus Sejahtera membantu menyediakan gerai pameran dan pameran ini akan menarik minat siswa-siswi untuk mendaftar subjek kelestarian", terang Dr Sayuti lagi.

Melalui subjek dan program kelestarian ini, siswa-siswi dapat belajar tentang makna kelestarian dan mampu mempromosikan kelestarian kepada warga USM.

"Secara tidak langsung siswi-siswi dapat mengasah kreativiti mereka dalam bidang kelestarian dan membawa elemen kelestarian ini di peringkat pekerjaan dan masyarakat serta mampu mewujudkan sesuatu yang baru tentang pembangunan kelestarian," ulas Dr Sayuti.

Dr Sayuti berharap agar siswa-siswi USM yang mendaftar subjek ini dapat mengamalkan gaya hidup lestari dalam kehidupan harian siswa-siswi, masyarakat dan juga keluarga.

"Saya berharap agar manfaat daripada program ini bukan sekadar berhenti pada peringkat universiti tetapi dibawa ke luar seperti di tempat kerja dan di kampung kerana ilmu yang diperolehi memang untuk dipraktikkan", akhiri Dr Sayuti kepada Berita Kampus.

Bas lambat dijadikan alasan lewat ke kelas

Pengangkutan bas yang disediakan oleh Universiti Sains Malaysia (USM) bertujuan memudahkan siswa-siswi untuk ke kuliah.

Namun, maklum balas daripada siswa-siswi mengenai kemudahan pengangkutan ini lebih cenderung kepada negatif berbanding positif.

Menurut salah seorang siswi USM yang tidak ingin dikenali identitinya, perkhidmatan bas sememangnya memudahkan siswa-siswi untuk ke kelas tetapi perkhidmatan itu tidak memuaskan.

Beliau terpaksa berebut untuk menaiki bas dan menyebabkan lewat untuk ke kelas.

"Ada ketika, saya terpaksa menunggu lama untuk menaiki bas. Apabila bas tiba di perhentian, pemandu bas akan mengambil masa yang lama untuk menunggu pelajar lain menaiki bas", kata siswi itu.

Seperti yang sedia maklum, setiap siswa-siswi dikenakan bayaran yuran pengangkutan sebanyak RM60 di dalam yuran pengajian mereka untuk setiap semester.

Menurut Penyelia Bas Unic Group Leisure USM, Ibrahim Adul Rahim, bas yang diperuntukkan untuk USM hanya 10 buah sahaja.

Lapan buah bas di dalam kampus dan dua buah lagi di Desasiswa Restu, Saujana, Tekun (RST). Terdapat enam laluan iaitu laluan A (dua bas), laluan B (satu bas), laluan C (satu bas), laluan AC (dua bas), laluan D (dua bas) dan laluan E (dua bas).

"Kadangkala pemandu bas terpaksa mengabaikan waktu rehat untuk mengejar masa sehingga melanggar jadual bas yang ditetapkan supaya siswa-siswi tidak terlewat ke kelas.", kata Ibrahim.

"Kami ditetapkan untuk berhenti selama 15 minit untuk mengambil pelajar di setiap perhentian yang telah ditetapkan seperti di Padang Kawad yang berhadapan dengan jejantas, Desasiswa Aman Damai dan Desasiswa Fajar Harapan", tambahnya lagi.

"Saya amat berharap supaya siswa-siswi USM menjaga kebersihan bas dengan tidak membuang sampah di dalam bas dan meninggalkan air yang bergula seperti nescafe dan milo di dalam bas. Air yang ditinggalkan akan jatuh dan mengalir keluar menyebabkan lantai bas kotor. Kerjasama daripada siswa-siswi juga diperlukan untuk bersama menjaga kebersihan bas", kata Ibrahim lagi.

Ibrahim menyarankan siswa-siswi USM supaya turun awal untuk ke kelas bagi mengelakkan bas penuh dan lewat ke kelas. Kebanyakan siswa-siswi turun 15 minit sebelum ke kelas dan apabila bas penuh, mereka terpaksa menunggu bas lain.

Oleh sebab yang sedemikian, mereka akan menyalahkan perkhidmatan bas yang tidak mengikut masa dengan betul.

JICA taja 11 siswa-siswi USM

Japan International Cooperation Agency (JICA) telah menaja 11 orang siswa-siswi Universiti Sains

Malaysia (USM) sebanyak 80,000 yen (RM2,807) untuk menyertai program Business Experience Tohoku (BET) di Tohoku University, Jepun pada 10 hingga 21 November.

Menurut penyelaras program, Dr Mohd Hafizal Mohd Isa, siswa-siswi tersebut telah dipilih berdasarkan penglibatan aktif mereka dalam program Tohoku Universiti yang lalu dan telah melepasi syarat kelayakan sebagai penerima biasiswa kerajaan JICA.

"Siswa-siswi tersebut juga merupakan siswa-siswi daripada pusat pengajian yang berbeza. Antaranya, Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Ilmu Kemanusiaan, Teknologi Industri, dan Komunikasi", tambah Hafizal.

Selain itu, Hafizal juga turut menjelaskan objektif program tersebut ialah untuk memberi pendedahan kepada siswa-siswi USM tentang peluang perniagaan secara langsung melalui kerja sukarela dalam bentuk yang praktikal.

"Siswa-siswi didedahkan tentang sistem dan etika menjalankan perniagaan di Jepun dan Asia. Selain daripada bidang perniagaan, siswa-siswi juga akan didedahkan tentang tajuk aains dan teknologi seperti seni bina, kejuruteraan awam dan pengurusan bencana.", kata Hafizal.

"Dalam masa yang sama, mereka juga belajar secara interaktif dengan pelajar dan komuniti tempatan sepanjang program pendek tersebut berlangsung", tambah Hafizal lagi.

USM terima pengiktirafan Best Academia-Industry Collaboration Award 2015

USM-Toray Industries (M) Sdn Bhd menerima Best Academia-Industry Collaboration Award 2015 bersempena dengan Malaysia 100 Leading Graduate Employers Awards Night 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 13 November 2015.

Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat, Profesor Dato' Dr. See Ching Mey berkata, anugerah yang pertama kali diterima oleh USM untuk Best Academia-Industry Collaborations Awards ini ialah hasil usaha gigih dan kerjasama antara USM bersama industri terutamanya Toray.

"Anugerah ini ialah satu pengiktirafan yang diberikan buat USM yang menunjukkan bahawa kerjasama yang terjalin bersama industri mempunyai impak yang tinggi," tegasnya.

Tambah See, kriteria yang memberi USM kejayaan ini adalah program-program yang dijalankan bersama USM dan Toray antaranya ialah penempatan seramai 31 orang siswa-siswi PP Sains Kimia, PP Kejuruteraan Kimia, PP Kejuruteraan Mekanikal dan PP Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral untuk latihan amali di Toray sejak dari tahun 2011.

"Selain itu, 43 pensyarah menerima geran dan anugerah yang berjumlah hampir RM1.2 juta untuk penyelidikan dan pembangunan dari Toray Science Foundation, staf dari Toray terlibat dalam Jawatankuasa Pengiring Industri USM, pemberian biasiswa oleh Toray kepada 30 siswa-siswi USM dan yang terakhir ialah penajaan RM4 juta untuk pembinaan bangunan Toray-USM Knowledge Transfer Centre yang akan dirasmikan pada 7 Disember 2015 nanti," ulasnya lagi.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Toray Industries (M) Sdn Bhd, Junji Kawakatsu pula berkata, penganugerahan ini adalah daripada usaha Toray yang terus menggembleng kepakarannya dalam penjanaan idea inovatif dan teknologi produk buat komuniti serta pembangunan sumber manusia yang merupakan antara aset penting buat negara.

Tambah Junji, disebabkan itu, Toray akan terus bekerjasama dengan USM pada masa hadapan untuk terus mendidik masyarakat tempatan dan juga menyumbang kepada komuniti dalam bidang kepakarannya mengikut kesesuaian.

Toray telah bekerjasama bersama USM sejak dari tahun 1998 dan saban tahun kerjasama antara kedua-dua pihak ini terus diperkukuhkan.

Antara tetamu kenamaan majlis adalah Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Tinggi, Profesor Dato' Dr. Asma Ismail, Pengarah Bahagian Perhubungan Industri Jabatan Pendidikan Tinggi, Profesor Madya Dr. Arham Abdullah, Pengarah dan Pengasas Kumpulan GTI, Adrian Wood dan Ketua Pegawai Eksekutif TalentCorp, Johan Mahmood Merican.

Majlis ini dianjurkan oleh GTI media dengan kerjasama Gradmalaysia, Careerbuilder Malaysia dan Malaysia Graduate Barometer 2015. **[mprc.usm.my]**

Komuniti Bebas Denggi bawa mesej pencegahan



Sukarelawan siswa-siswi USM Kampus Kesihatan bersama masyarakat kampung selepas Kempen Komuniti Bebas Denggi di Masjid Kampung Pulau, Kelantan.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menganjurkan Kempen Komuniti Bebas Denggi melibatkan sukarelawan siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kesihatan di Masjid Kampung Pulau, Kelantan.

Kempen tersebut bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat berkenaan dengan pencegahan denggi dan cara menghapuskan pembiakan nyamuk Aedes, selain mendidik masyarakat tentang kebersihan persekitaran bagi menghindari pembiakan nyamuk Aedes.

Menurut Ketua Sukarelawan Komuniti Bebas Denggi, Erni Bidin , kawasan Masjid Kampung Pulau ini ialah kawasan yang mencatatkan kes denggi yang tinggi di Kota Bharu.

"Dengan adanya kempen sebegini, ia mampu mengurangkan kes denggi yang berlaku di kawasan ini. Kempen sebegini juga memberi pendedahan kepada sukarelawa siswa-siswi USM dalam mendekati masyarakat setempat", kata Erni.

"Kempen ini sebenarnya dijalankan berperingkat di kawasan yang mencatatkan kes denggi yang tinggi. Kami akan datang setiap bulan untuk melihat pencegahan yang dilakukan oleh orang kampung dan menilai tahap kebersihan kawasan setempat", tambah Erni.

Kempen ini turut disertai oleh Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian (SMKKK) yang menjalankan Program Dengue Patrol peringkat kebangsaan.

Menurut Pengetua SMKKK, Tuan. Haji. Raub Tengah, SMKKK dipilih bagi bertanding diperingkat kebangsaan untuk program ini dan pihak sekolah ingin melibatkan pelajar sekolah dengan masyarakat sekeliling.

"Kita melihat program ini mampu membantu mencegah kes denggi di kawasan berkenaan. Kita juga bekerjasama dengan sukarelawan USM Kampus Kesihatan bagi menyedarkan masyarakat setempat berkenaan bahayanya denggi", kata Raub.

Menurut penduduk kampung, Raja Ali Raja Dollah, kempen sebegini mampu memberi kesedaran dan membantu masyarakat kampung dalam menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes.

"Masyarakat kampung berterima kasih diatas usaha yang dilakukan oleh sisiwa-siswi USM dalam membantu masyarakat bagi mengurangkan kes denggi di kawasan ini", kata Ali.

USM perkenal Bata Pressmud

Oleh **NOR RITA AMIRAH SAMSUDIN**

Bata Pressmud atau bata mesra alam (BMA) telah berjaya dicipta hasil inovasi bersama antara pensyarah dan beberapa siswa-siswi dari Pusat Pengajian Teknologi Industri Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut Anas Azam, Teknologi Industri 4, BMA sama seperti bata komersial biasa namun yang membezakannya ialah bata itu diperbuat daripada bahan buangan sisa industri.

"BMA ini sama seperti bata komersial untuk membina bangunan tetapi bezanya bata ini menggunakan bahan buangan industri pressmud iaitu sisa industri dari kilang memproses gula", jelas Anas lanjut.

Menurut Anas lagi, idea utama BMA datang daripada pensyarah dan kemudiannya mereka mengubahnya sedikit dan menjayakan pembuatan bata ini sehingga selesai.

Menyentuh topik mengenai keistimewaan bata ini, Anas berkata BMA lebih ringan daripada bata pasir. Selain itu, bata itu mempunyai kekuatan yang melebihi atau sama dengan bata pasir. Namun keistimewaan utama BMA adalah mereka menggunakan bahan sisa industri dalam pembuatannya.

"Keistimewaan BMA ialah kekuatan ujian mampat menunjukkan bata ini mempunyai kekuatan yang melebihi atau hampir sama dengan bata pasir bergantung pada kepada nisbahnya. Kami juga menggubah sisa organik daripada bahan buangan industri dan menggunakannya kembali sebagai salah satu bahan dalam pembuatannya. Hal ini sekali gus membantu sisa pengurusan sumber kilang kerana kebiasaannya kilang terpaksa membayar kepada syarikat konsesi untuk melupuskan sisa industri ini", jelas Anas lanjut.

Beliau turut menambah lagi, mereka merancang untuk mengkomersialkan produk BMA itu tetapi masih di tahap perbincangan antara pensyarah mereka dengan pihak universiti. Buat masa sekarang, bata itu sedang dalam proses untuk dipatenkan.

Beberapa anugerah telah berjaya dirangkul oleh mereka melalui inovasi bata mesra alam itu.

"Kami telah memenangi Gold Medal NRIC 2015 dan juga Special Award for Sustainability/Green Technology Award melalui produk BMA ini", tambah Anas.

Penghuni Desasiswa Tekun ambil kesempatan berniaga

Berniaga di dalam desasiswa sememangnya telah menjadi satu kesalahan. Namun masalah tersebut semakin membimbangkan sehingga tindakan tegas telah diambil oleh pengurusan Desasiswa Tekun dengan merampas barang jualan penghuni yang diletakkan di kawasan hadapan lif dan pantri.

"Kami telah mengeluarkan notis melarang sebarang penjualan seperti makanan dan minuman kepada penghuni sebelum ini. Namun, amaran kami tidak dipedulikan. Tindakan merampas barangan jualan tersebut terpaksa pihak kami ambil bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku seperti keracunan makanan", jelas Penolong Penggawa Desasiswa Tekun, Dr. Sharifah Mashita.

Menurut beliau lagi, makanan dan barangan jualan tersebut terpaksa dirampas atas faktor kebersihan kerana makanan tersebut dibiarkan terdedah dan cara penyediaan makanan tersebut juga tidak diketahui serta tahap kebersihan bahan-bahan yang digunakan juga turut diragui.

"Penghuni adalah di bawah tanggungjawab kami. Oleh itu, kami tidak mahu penghuni yang membeli makanan dan barangan jualan tersebut mengalami masalah kesihatan", kata Dr. Sharifah kepada Berita Kampus.

"Saya tidak membeli barangan jualan yang dijual di pantri dan di hadapan lif kerana saya lebih suka untuk membeli barangan di pasaraya kerana harganya yang lebih berpatutan. Lagipun, makanan yang disediakan dan dijual oleh penghuni lain seperti nasi lemak dan bihun goreng tidak seenak makanan yang dijual di kafe", terang penghuni Desasiswa Tekun, Nadia Abdul Rahman.

Tambah beliau lagi, harga barangan jualan penghuni adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan harga luar dan merugikan penghuni lain kerana kuantiti barang jualan adalah sedikit.

TFF beri kesedaran tentang bahaya tembakau

Oleh **JASY BONG YI JAN**

Program Tobacco Free Food (TFF) 2015 meningkatkan kesedaran warga USM agar sentiasa menjadi insan yang peka dan mengambil perhatian tentang alam persekitaran supaya ia tidak tercemar dan bebas daripada tembakau.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Dr Muhamad Jantan, program TFF ialah sebuah projek yang dianjurkan oleh Sekretariat Eco-Desa Saujana dengan kerjasama Sekretariat Sukarelawan USM-MySihat.

"Tema TFF ini bersesuaian dengan budaya USM yang mengamalkan gaya hidup sihat iaitu bebas daripada tembakau dan rokok. Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesihatan dan menyedarkan warga USM tentang bahayanya tembakau di samping menjadi satu platform untuk warga USM agar tidak merokok demi menjaga persekitaran dan mendapatkan udara yang bersih", kata Jantan.

Tambah beliau lagi, program TFF dirangka khas untuk memberikan satu bentuk penghargaan kepada warga USM kerana berjaya mengamalkan budaya USM Bebas Tembakau di samping memberikan sokongan yang padu kepada warga USM untuk terus hidup dalam persekitaran yang bersih.

"Selain itu, program ini juga bertujuan untuk menyedarkan warga USM supaya menjaga kelestarian USM yang kita cintai", kata beliau.

Menurut pengarah projek TFF, Thang Mei Xin, idea penghasilan program tersebut merupakan idea gabungan untuk mempromosikan tidak merokok (No Smoking) dan tidak membungkus makanan dengan menggunakan polystyrene atau plastik (No Pack Day) kepada warga USM.

"Gabungan dua perkataan iaitu "Tobacco Free" dan "Free Food" membawa maksud bebas asap rokok dan makanan percuma. Kami ingin mempromosikan bahayanya asap rokok dan pada masa yang sama kami juga memberi makanan dan bekas makanan (Elianware) secara percuma kepada warga USM", jelas Thang.

"Bekas makanan yang diberikan secara percuma kepada warga USM dengan harapan mereka dapat mempraktik untuk membawa bekas makanan semasa mereka membungkus makanan di kafe-kafe desasiswa. Ini adalah lebih baik daripada membungkus makanan dengan menggunakan plastik atau polystyrene", kata Thang.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesihatan dan menyedarkan warga USM tentang bahayanya tembakau di samping menjadi satu platform untuk warga USM agar tidak merokok demi menjaga persekitaran dan mendapatkan udara yang bersih.

Bakti Nusa wujudkan rasa kekeluargaan



MESRA... Siswa Universiti Sains Malaysia (USM) melawan kumpulan futsal penduduk veteran dalam perlawanan futsal kain pelikat persahabatan.

Program Capacity Building Jelajah Kasih dan Bakti Nusa Mahasiswa/i pencetus kepada permulaan perhubungan antara keluarga angkat dan siswa siswi Universiti Sains Malaysia (USM) untuk berhubung dengan masyarakat Kampung Permatang Janggus, Pulau Pinang, 31 Oktober hingga 1 November lalu yang dirasmikan oleh Adun Penaga, Datuk Haji Mohd Zin Ahmad.

Menurut Pembantu Penerangan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Encik Khazafi Md Napiah program ini merupakan anjuran JASA bersama Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) sebagai pengeluar modal utama di bawah fokus kumpulan modal insan.

"Program ini turut melibatkan gabungan bersama Rakan Muda, Angkatan Mahasiswa Perlis (AMLIS) dan Gabungan Anak Pulau Pinang (GAPP) untuk menghantar penyertaan siswa-siswi USM seramai 46 orang untuk bersama-sama murid tahun 4 dan 5 dalam tiga slot untuk membimbing cara menjadi pelajar cemerlang", jelas Encik Khazafi.

Encik Khazafi berharap agar program seperti ini dapat diteruskan lagi bersama USM dan tempoh masa program ini dapat dilanjutkan lebih lama.

Menurut fasilitator, Mohd Fakhri Jusoh mereka dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk bersama-sama keluarga angkat yang terpilih selama dua hari satu malam.

"Program ini sangat bermakna kepada siswa-siswi terutamanya mereka yang berasal dari negeri lain dapat merasai suasana kehidupan petani tetapi tempoh masa yang terlalu singkat menyebabkan kami tidak puas merasai suasana sawah padi dan petani", jelas Fakhri lagi.

"Ternyata keluarga angkat menyambut kami dengan begitu gembira dan mengharapkan hubungan kekeluargaan kami terus berkekalan", terang Fakhri kepada Berita Kampus.

Permainan sukan rakyat seperti baling belon, futsal kain pelikat dan Siti muslihat ialah program yang melibatkan orang kampung manakala aktiviti bersama murid sekolah rendah ialah latihan dalam kumpulan untuk memberikan dorongan dan memupuk semangat kejayaan kepada siswa-siswi.

Parkir motosikal Indah Kembara diperluas

Pihak pengurusan Desasiswa Indah Kembara Universiti Sains Malaysia (DIK USM) mengambil insentif dengan menambah kotak parkir motosikal di Blok L06 dan L07 untuk mengelakkan siswa-siswi daripada meletakkan motosikal mereka di tempat yang boleh menghalang lalu lintas di kawasan tersebut.

Menurut Penggawa DIK USM, Tuan Haji Mohd Zain Dollah, usaha tersebut diambil kerana kotak parkir yang tidak mencukupi menyebabkan siswa-siswi yang berkereta telah menggunakan ruang parkir motosikal sehingga menyebabkan kesesakan.

"Masalah parkir ini berlaku kerana siswa-siswi meletakkan kenderaan mereka di merata-rata tempat dan kita tidak mahu perkara itu berlaku. Jadi, kotak parkir itu disediakan sebagai kemudahan khas untuk siswa-siswi meletakkan motosikal mereka," jelas beliau.

"Kotak parkir masih lagi tidak mencukupi kerana kenderaan semakin bertambah dari semasa ke semasa. Tetapi, sekurang-kurangnya kita boleh mengadakan pemantauan dari segi keselamatan dan juga dapat mengelakkan sebarang kecurian daripada berlaku," akhirinya.



Parkir motosikal yang telah ditambah menunjukkan keadaan motosikal yang diletakkan lebih tersusun dan memudahkan lalu lintas di kawasan Desasiswa Indah Kembara.

Padang Kawad ditutup sembilan hari

Oleh **INTAN MAHSURI SULAIMAN**

Jabatan Keselamatan (JK) Universiti Sains Malaysia (USM) telah menutup Padang Kawad (PK) selama sembilan hari bermula pada tarikh 31 Oktober hingga 8 November yang lalu, bagi memberi ruang kepada acara yang julung-julung kalinya diadakan di USM iaitu Perbarisan St. John Ambulance peringkat negeri Pulau Pinang.

"Kami menutup seluruh PK kerana kawasan tersebut digunakan bagi upacara Perbarisan St. John Ambulance. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir siswa-siswi yang masih belum memindahkan kenderaan mereka walaupun notis telah dikeluarkan sejak 30 Oktober lagi'', jelas Penolong Pegawai Keselamatan Bahagian Risikan dan Trafik USM Encik Narawi Bakar.

Menurut beliau lagi, hebahan mengenai penutupan PK turut mendapat kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Hebahan mengenai kawasan meletak kenderaan sementara telah dilakukan iaitu di kawasan lapang belakang bangunan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES). Kawasan ini akan digunakan sehingga PK kembali berfungsi seperti biasa.

"Saya mengetahui mengenai penutupan PK daripada hebahan MPP di Facebook. Oleh itu, saya telah mengalihkan kenderaan saya bagi memudahkan tugas pegawai JK untuk mengosongkan kawasan tersebut", terang salah seorang pemilik kenderaan, Ummi Habibah, PPIP, 3.

Tambah beliau lagi, beliau terlepas pandang terhadap notis yang telah dikeluarkan oleh JK. Beliau mengakui lewat mengalihkan kenderaannya ke kawasan meletakkan kenderaan sementara, yang telah disediakan oleh USM namun, beliau amat bersyukur kerana tiada sebarang tindakan diambil oleh JK pada waktu itu.

Decrypting inscriptions of Gandhara civilisation

A postgraduate student from Centre for Global Archaeological Research Universiti Sains Malaysia (USM), Nasha Rodziadi Khaw has conducted a research that concerns the archaeology and history of Gandhara which is a historical region and ancient civilisation located in the present day northwestern Pakistan and eastern Afghanistan.

"A good number of inscriptions from various scripts such as Kharoshti, Brahmi, Sharada, Greek, Bactrian and many more but most inscriptions were studied by scholars who written them in Kharoshthi scripts between third century B.C to fourth century C.E", said Nasha.

"Between 1800 B.C. until 1000 C.E, the region was successively ruled by the Aryans, Achaemenians, Macedonians, Mauryans, Indo-Greeks, Scytho-Parthians, Kushans, Sassanians, Huns, Turk Shahis and Hindu Shahis. Aside from countless archaeological discoveries in the region, among the most famous archaeological discoveries related to the Gandharan civilization includes the Bamian Buddha and the ruins of Taxila", explained Nasha.

"Less attention has been given to the inscriptions written in Brahmi and Sharada scripts which were used after the fourth century C.E. The study of Brahmi and Sharada inscriptions found in Gandhara was chosen for my research as the decipherment of few newly discovered inscriptions may provide important insights into the shrouded part of the history of Gandhara between fourth to 11th century C.E", added

According to Nasha, since the downfall of Kushtan dynasties in fourth century C.E., the region of Gandhara fell into a period of political disunity. During this period, information regarding ruling dynasties, political structure, social conditions and religious landscape are relatively scanty. However, studying epigraphically materials coming from this period may shed some light into the matter.

The research titled as Study and Analysis of Brahmi and Sarada Inscriptions from Gandhara : Its Impact on Religious, Cultural and Historical Landscape of the Region by Nasha who is also in Academic Staff Training Scheme of USM.

Kaki bionik untuk Fateh

Oleh **NUR AWANIS ROSLI**

Pusat Islam Universiti Sains Malaysia Kampus Kejuruteraan dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Islam Kampus Kejuruteraan (PMI KKJ) dan Majlis Perwakilan Pelajar USM Kampus Kejuruteraan (MPP USM KKJ) telah melancarkan projek yang dinamakan Projek Ukhuwah #FatehHopes dalam misi mereka mengutip derma bagi mendapatkan kaki bionik untuk seorang siswa USM, Fatehudin Raban yang terlibat dalam kemalangan pada cuti semester yang lalu.

Kaki bionik yang bernilai RM12,000 ini, merupakan satu bantuan kepada Fatehudin dalam memudahkan urusan sehariannya dan dan meneruskan pengajian beliau sebagai seorang siswi kejuruteraan pembuatan.

Hampir RM6,000 telah terkumpul melalui pelancaran projek #FatehHopes yang dijalankan sejak awal permulaan sidang akademik ini.

Walau bagaimanapun, Pusat Islam, PMI KKJ dan Sekretariat Kebajikan MPP USM KKJ masih mengerakkan tabung derma dari pusat-pusat pengajian di USM Kampus Kejuruteraan ini.

Di samping itu, publisiti turut disebarkan oleh staf-staf di kampus, untuk mengalakkan siswa-siswi menderma ke dalam tabung ini.

Menurut MPP Kebajikan USM KKJ, Muammar Haqimi Mohd Jasin, siswa-siswi USM di kampus ini seramai 2,000 lebih menderma sekurang-kurangnya RM3 seorang, sasaran untuk mendapatkan RM12,000 dalam masa terdekat akan berjaya.

"Kami dapat sokongan yang menggalakkan dari warga kampus dan saya selaku Yang DiPertua PMI KKJ sidang ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pusat Islam USMKKJ, MPPUSM KKJ khususnya kepada MPP Kebajikan, dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung kerana bersungguh-sungguh menjayakan Projek Ukhuwah #FatehHopes ini", kata Hanif.

Fatehudin Raban sekarang diberi cuti rehat selama satu semester sebelum dapat menyambung kembali pengajiannya pada semester hadapan di sini.

MPP Kebajikan terlibat secara rasmi dalam Projek Ukhuwah #FatehHopes ini setelah selesai watikah perlantikan MPP USM baru-baru ini.

Eco Car Wash pupuk sifat kesukarelawanan, saling bantu

Kempen Eco Car Wash memupuk sifat kesukarelawanan dalam kalangan siswa-sisiwi dan mendidik mereka supaya sentiasa bersedia untuk saling membantu.

Menurut Ahli Jawatankuasa Biro Penajaan Program My Family, Aida Amalina Abdul Jalil, kempen ini juga bertujuan untuk mencari dana tambahan kepada Program My Family yang akan dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Islam (PMI) Universiti Sains Malaysia (USM).

Ahli-ahli program tersebut telah terlibat dalam Kempen Eco Car Wash dan mereka mempunyai jadual tugas sendiri.

Aida menjelaskan bahawa ada banyak aktiviti juga dijalankan untuk mencari dana tambahan seperti penjualan T-shirt dan lencana dan memohon tajaan daripada syarikat-syarikat tertentu.

Namun, berdasarkan pengalamannya, idea Kempen Eco Car Wash adalah idea yang paling bernas dan dapat menarik minat siswa-siswi kerana setiap jadual telah dipenuhi oleh orang ramai yang datang untuk perkhidmatan ini.

"Kempen ini telah mendapat sambutan yang baik daripada siswa-siswi keraana bayaran perkhidmatan yang dikenakan murah iaitu bayaran RM6 dikenakan untuk kereta, RM3 untuk motosikal dan RM1 untuk basikal. Kempen ini juga memberi kesenangan kepada siswa-siswi kerana mereka boleh mencuci kereta mereka pada bila-bila masa di dalam kampus", katanya.

Kempen Eco Car Wash telah bermula pada 24 Oktober hingga 15 November, pukul 2 hingga 6 petang setiap Sabtu dan Ahad di belakang Kafe Jaya, Kampus Kejuruteraan USM.

Unit Perbincangan Sosial sedia ruang kepada siswa-siswi

Unit Perbincangan Sosial, Persatuan Bahasa Tionghua (PBT) yang bertujuan untuk menawarkan suatu ruang kepada siswa-siswi untuk membincang isu semasa telah diaktifkan semula sejak penutupannya dua tahun yang lalu.

Menurut Ketua Unit Perbincangan Sosial yang baru, John Lim Ban Sheng, beliau mempunyai keinginan untuk menggalas peranan tersebut kerana beliau mendapati bahawa kebanyakan siswa-siswi kurang berprihatin untuk melibatkan diri dalam perbincangan isu semasa.

"Saya berharap dapat menggalakkan siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) berani untuk menyuarakan pandangan dan cadangan terhadap isu semasa melalui penubuhan semula Unit Perbincangan Sosial", kata Lim.

Untuk menjayakan penubuhan semula unit tersebut, Lim berkata beliau telah berjumpa dengan beberapa orang siswa-siswi USM untuk menjemput mereka bersama mengetuai Unit Perbincangan Sosial.

"Kaedah penerokaan isu semasa unit kami termasuk perbincangan dan perkongsian antara ahli. Setiap ahli akan diberi peluang untuk meluahkan pandangan mereka tersendiri", jelas Lim.

Selain mengadakan perbincangan isu semasa, Lim berkata bahawa mereka akan mengadakan perkongsian filem iaitu mengendalikan perkongsian pandangan dan ulasan terhadap filem yang ditonton bersama.

"Kami juga akan menjemput ahli jawatankuasa unit dua tahun yang lepas untuk melatih dan mengajar teknik penyampaian mesej isu semasa serta cara mendorong aktiviti kesedaran rakyat secara berkesan", kata Lim lagi.

Menurut Lim, antara sasaran Unit Perbincangan Sosial juga termasuk meningkatkan tumpuan siswa-siswi USM terhadap isu semasa dan melibatkan diri dalam perbincangan isu semasa secara menyeluruh.

PU Taha bukti siswa USM mampu pergi jauh

Siswa Universiti Sains Malaysia (USM), Taha Mohd Omar atau lebih dikenali sebagai PU Taha telah buktikan siswa USM mampu pergi lebih jauh dengan menyertai progam realiti keagamaan, Pencetus Ummah (PU).

Menurut PU Taha, beliau berminat untuk sertai program PU kerana ia ialah sebuah platform nasional untuk beliau berdakwah dan banyak pendengar dan penonton yang melihat dan dengar dakwah beliau.

"Saya ialah calon Ph.D. di Islamic ISDEV, USM, dan telah memaklumkan kepada penyelia saya, Prof Dr Muhammad Syukri Salleh bahawa saya akan berada di program PU. Beliau membenarkan saya untuk berehat dari penyelidikan selama 2 bulan supaya dapat beri tumpuan penuh kepada program PU. Tambahan, saya sudah berada di tahap pembentangan viva, jadi Ph.D. saya sebenarnya sudah lengkap 90%.", kata Taha.

Selain itu, Taha turut menasihati siswa-siswi supaya menghargai masa dan ilmu yang ditimba akan menjadi kayu ukur di kalangan masyarakat. Tambah beliau, siswa-siswi perlu menjaga akhlak yang dan adab seperti Rasulullah SAW.

Menurut isteri Taha, Shakila Mohamed Anuar, melalui PU, suami beliau dapat meneruskan usaha dakwah dengan lebih meluas dikalangan masyarakat di samping berkongsi ilmu dari pelbagai sudut topik.

"Seminggu sebelum kami berangkat ke Eropah untuk bercuti, saya terlihat iklan ujibakat pencetus ummah lalu menyuruh suami saya untuk mencuba. Alhamdulillah, dalam masa yang singkat dia dapat melepasi sesi ujibakat dengan jayanya dan ketika kami berada di Itali, kami mendapat panggilan dari Astro memberitahu berita gembira bahawa suami saya terpilih untuk menyertai pencetus ummah musim 3 ini", ujar beliau lagi.

Shakila Anuar berharap suaminya mampu buat yang terbaik serta membina keyakinan diri dengan lebih tinggi dan ilmu yang disampaikan dapat memberi kesan yang positif kepada masyarakat.

Bapa kepada PU Taha, Profesor Ir. Dr. Mohd Omar Ab.Kadir, pensyarah di Pusat Pengajian Teknologi Industri berharap supaya anaknya dapat berkhidmat untuk USM selepas itu dan mengikut jejak langkahnya untuk menjadi pensyarah di USM.

"Rahsia kejayaan anak saya adalah melalui amalan bacaan taklim, iaitu bacaan hadis-hadis dan kisah sahabat nabi yang diadakan di rumah pada setiap hari serta nasihat untuk mencapai sesuatu perlunya susah payah dalam kehidupan baru dapat capai kejayaan", tambahnya lagi.



'Maut itu pasti' ialah *tagline* yang digunakan oleh PU Taha semasa di pentas Pencetus Ummah.

SSI prihatin terhadap pelajar bermasalah

Sekretariat Sukarelawan India (SSI) di Universiti Sains Malaysia (USM) telah menganjurkan program Rowthiram Palagu yang disertai oleh pelajar yang bermasalah dari Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Paya Besar (SMKJPB) bagi membantu mereka mengembalikan semangat untuk belajar bersungguh-sungguh.

Menurut pengarah projek, Gayathri Kailasam, program ini disertai oleh 40 orang pelajar SMKJPB yang lebih lemah dalam akademik dan mempunyai masalah gejala sosial. Objektif utama program ini adalah untuk memberi kesedaran tentang pentingnya berakhlak mulia dan membantu meningkatkan tahap pendidikan dalam kalangan pelajar India.

"Rowthiram Palagu yang bermaksud cara mengatasi kemarahan diambil sebagai tajuk program kerana kami ingin memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar ini bahawa sangat tentang kepentingan untuk mengawal kemarahan. Oleh itu, pada awal program kami mengajak mereka untuk bersembahyang di kuil bagi mendapat restu daripada Tuhan. Kemudian adanya slot yang membentangkan kepada mereka peringkat dan prestasi kaum India di Malaysia," jelas Gayathri.

Menurut guru pengiring SMKJPB, Puan Parimala Dewi Krishnan program ini hampir 90 peratus berjaya kerana banyak input yang diperolehi oleh pelajarnya. Selain itu, semangat mereka juga berkobar-kobar untuk membuat yang terbaik dalam pelajaran agar mampu menjejakkan kaki ke menara gading setelah melihat kakak dan abang mereka yang belajar di universiti. Beliau berharap program seperti ini akan diadakan pada masa hadapan lagi.

"Saya mendapat banyak ilmu yang berguna. Selain itu, saya sudah merancang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang sains semasa di tingkatan 4 pada tahun hadapan" kata Suhambari Sekar, pelajar tingkatan 3, SMKJPB.

Belajar CPR selamatkan nyawa



Dr. Yeong Pei Ming dan Encik Hazwan dari Pusat Sejahtera memberi penerangan langkah pertolongan cemas

Oleh **TONG YIH HUEY**

Sekretariat Keselamatan Jalan Raya Universiti Sains Malaysia (USM) dengan kerjasama Pusat Sejahtera USM telah menganjurkan Kursus Pertolongan Cemas agar siswa-siswi mengetahui cara melakukan pertolongan cemas yang tepat.

Kursus itu disampaikan oleh Pegawai Perubatan, Dr. Yeong Pei Ming dari Pusat Sejahtera dan dibantu oleh jururawat Pusat Sejahtera, Encik Hazwan Zulyadain.

Menurut Pengarah Projek, Mohamad Zulkifli, kursus itu bertujuan untuk memberi pendedahan ilmu pertolongan cemas kepada siswa-siswi supaya siswa-siswi boleh bertindak wajar semasa berlakunya kecemasan.

"Sepanjang satu jam dalam kursus ini, siswa-siswi akan diperkenalkan dengan cara melakukan Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) dan berpeluang menjalankan latihan ringkas bawah bimbingan Dr. Yeong", kata Zulkifli.

Dr. Yeong telah memperkenalkan alat-alat yang digunakan untuk pertolongan cemas seperti Automated External Defibrilator (AED) dan menunjukkan video untuk memudahkan siswa-siswi membina gambaran besar mengenai pertolongan cemas.

"Semua orang harus belajar cara pertolongan cemas yang betul, terutamanya CPR agar dapat menyelamatkan nyawa keluarga atau kawan di sekeliling kita kerana kita tidak mengetahui apa yang akan berlaku pada saat yang akan datang", kata Dr. Yeong.

"Adalah amat baik siswa-siswi menghadiri kursus ringkas ini, namun jika siswa-siswi ingin mempelajari pertolongan cemas secara mendalam, mereka harus menghadiri kursus sepanjang hari", tambahnya lagi.

Seramai 120 orang siswa-siswi telah menghadiri kursus itu pada 28 Oktober di Dewan Kuliah I dari 7 petang hingga 8 petang.

SSB offers Thai language workshop

Sekretariat Semarak Bahasa (SSB) of Universiti Sains Malaysia (USM) Engineering Campus recently organised a language workshop 'A Tour On Thai' to teach student to speak in basic Thai language.

"The aim of this two-hour workshop is to prepare the students with basic level of unconventional foreign language either for working purpose or for leisure. Secondly, this workshop also provide students the opportunity to learn foreign language with the guidance of professionals", said SSB president, Wong Soo Theng.

Wong added that the reason they choose Thai language is because Thailand is a country that offers various attractions which makes it a perfect place to visit among Malaysians, especially the students as it is strategically located next to Malaysia.

"The travelling will be much more different and interesting when you could understand them and know them through their daily conversations – It will give a different and unique experience", said Wong.

SSB had invited a Thai language lecturer from USM Main Campus, Wallapa Buranawijarn, to conduct the workshop.

"We've got a great response from the students on this workshop as 60 participants registered for this workshop so far and more students were expected to join this workshop", she added.

Wong said that based on the responses they got for the current workshop, they would be organising another language workshop in the future and the language selected will be based on the students' preference.

Kempen didik kesedaran hargai air

Kempen hargai air secara talian internet yang dilaksanakan semasa cuti pertengahan semester dari 7 hingga 15 November 2015 yang dijangka dapat mendidik siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) lebih bertanggungjawab terhadap penggunaan sumber air.

Kempen tersebut bertemakan 'hargai setiap titisan air' anjuran Kluster Kelestarian Air (KKA) Sukarelawan Kampus Sejahtera USM. Ia bertujuan untuk menerapkan nilai kelestarian tidak kira di mana siswa-siswi USM berada.

Ketua KKA, Salmila Nadia Sabri berkata fokus kempen tersebut adalah kelestarian air melalui cara memaparkan mesej kepada warga kampus bertujuan mendidik mereka untuk menghargai air, berjimat dengan air dan bertanggungjawab kepada sumber air.

"Siswa-siswi USM boleh menghantar gambar bertemakan sumber air yang bertulis 'kempen hargai air' ke laman web Kampus Sejahtera. Sasaran kempen ini adalah kepada seluruh siswa-siswi USM terutamanya yang sedang bercuti pertengahan semester di luar kampus agar cuti mereka boleh dimanfaatkan dengan perkara berfaedah", kata Salmila.

Menurut Salmila, kempen tersebut dilaksanakan berikutan siswa-siswi USM kini tidak menghargai bekalan air bersih yang sememangnya mencukupi, malah melebihi untuk menampung kegunaan harian.

Kempen tersebut dilaksanakan berikutan siswa-siswi USM kini tidak menghargai bekalan air bersih yang sememangnya mencukupi, malah melebihi untuk menampung kegunaan harian.

Bilangan penderma darah meningkat

Oleh **WEY WEI LING**

Bilangan warga Universiti Sains Malaysia (USM) yang menjadi penderma darah telah meningkat berganda dalam kempen derma darah 'Let your blood save lives'.

Penganjuran sebelum ini hanya melibatkan 70 hingga 90 orang.

Penyelia Jururawat Pusat Sejahtera (PS) USM, Azima Hassan PS akan menganjurkan kempen derma darah tiga kali setiap tahun.

Kempen derma darah telah menarik sekurang-kurangnya 100 penderma darah pada setiap tahun daripada 200 orang dating mendaftar.

Azima berkata, beberapa kriteria diperlukan untuk menjadi penderma seperti berat badan mesti lebih 40kg, kandungan darah yang cukup, tidak ada penyakit dan BMI mestilah lebih 25.

Ramai siswa-siswi yang ingin menderma darah, tetapi gagal memenuhi kesemua kriteria yang diperlukan sebagai penderma darah yang layak. Wanita tidak dibenarkan menderma darah semasa haid untuk mengelakkan kehilangan darah berlebihan.

Kempen ini telah dianjurkan oleh PS dengan kerjasama Centre for Global Sustainability Studies (CGSS) USM. Penganjuran kempen ini bukan sahaja dapat membantu siswa-siswi dalam menjalankan projek.

Malah, ia juga boleh menarik minat siswa-siswi yang lain untuk menjadi penderma darah.

"Matlamat kempen ini ialah untuk membantu tabung darah hospital supaya mempunyai bekalan darah yang mencukupi. Terutamanya menjelang musim perayaan kerana kemalangan kerap berlaku. Oleh sebab itu, banyak kes yang memerlukan bekalan darah semasa penbedahan dijalankan", kata Azima.

Tambah Azima, kempen ini hanya terbuka kepada warga USM sahaja. 70% hingga 80% penderma darah ialah siswa-siswi USM.

Walaupun, tidak ramai staf yang menjadi penderma darah tetapi penderma dalam kalangan staf USM ialah penderma darah yang aktif.

Nasihat Azima kepada warga USM yang ingin menderma darah mereka haruslah sentiasa menjaga kesihatan tubuh badan, mengamalkan gaya hidup dan pemakanan yang seimbang supaya boleh memenuhi kriteria asas sebagai penderma darah yang layak.

Penderma darah boleh derma darah pada setiap tiga bulan jika memenuhi kesemua kriteria.

Ramai siswa-siswi yang ingin menderma darah, tetapi gagal memenuhi kesemua kriteria yang diperlukan sebagai penderma darah yang layak. Wanita tidak dibenarkan menderma darah semasa haid untuk mengelakkan kehilangan darah berlebihan.

Kasih Ceria bantu bina semangat kesukarelawanan

Mewujudkan semangat kesukarelawanan dalam kalangan siswa-siswi merupakan tujuan utama program Kasih Ceria yang dianjurkan oleh Sekretariat Ekspo Konvokesyen (Convex). Tujuan program tersebut bersesuaian dengan tema Convex, Universiti Sains Malaysia (USM), Pencetus Inspirasi Mahasiswa.

Menurut pengarah projek, Nurul Nabilah Abdul Razak, program tersebut telah diadakan di House of Hope, Air Itam, Pulau Pinang. House of Hope ialah sebuah tempat untuk golongan yang tidak berkemampuan. Di sana ada disediakan keperluan harian bagi membantu golongan tersebut.

"Kami memberi fokus kepada kanak-kanak yang berumur lima hingga 13 tahun. Mereka terdiri daripada kanak-kanak yang yatim piatu dan juga kanak-kanak dari golongan tidak berkemampuan", kata Nabilah.

Tambahnya lagi, program tersebut ialah medium yang paling tepat untuk warga Convex berinteraksi dan membantu masyarakat luar.

"Buat masa ini, kami menfokuskan aktiviti kesukarelawanan ini kepada warga Convex sahaja. Ini kerana tempat perlaksanaan program agak terhad", jelasnya.



Ahli Jawatankuasa Convex yang terlibat dalam program Kasih Ceria Convex di House of Hope, Air Itam, Pulau Pinang.

"Pada hari konvokesyen kelak, kami akan bergabung dengan 1Malaysia For Youth (iM4U) bagi melaksanakan aktiviti kesukarelawanan. Aktiviti ini kami sediakan khusus kepada warga USM terutama mereka yang berminat dengan aktiviti kesukarelawanan," tambahnya.

Jelasnya lagi, beliau berharap agar program tersebut mampu menyuntik semangat kesukarelawanan dalam kalangan siswa-siswi dan memberi inspirasi kepada warga USM untuk turut sama membantu golongan yang kurang berkemampuan.

Program tersebut telah berlangsung pada 7 November di Air Itam,Pulau Pinang. Program tersebut telah disertai seramai 40 sekretariat Convex dan melibatkan seramai 50 kanak-kanak dari House of Hope.

Lending a hand to the needy

In order to help needy ones in rural areas, Perkumpulan Anak-Anak Sarawak (PERKASA) came out with the 'Love in a Box' project, to collect donations of various necessities from Universiti Sains Malaysia (USM) students under their annual programme, Kunjungan Kasih 2016.

"The objective of this project is to help the 'bottom billion' people in Kampung Penibong which is located at Mukah, Sarawak. This project is a part of the Kunjungan Kasih organised by PERKASA which will commence in January 2016 during the semester break," said the Project Director of Kunjungan Kasih 2016, Abdul Aziz Zulkepli.

According to Aziz, the project is named "Love in a Box" because it allows them to reach out to the poor by collecting donated goods which will then be personally handed over to the needy ones. "Besides that, we informed the village head that we're going to do community service there. "Love in a Box" is also organised to show our appreciation to them and at the same time, lessen their burden. We will also be organising some activities for the villagers", said Aziz.

"The response from students was good. Although there were no goods collected on the first and second day, but after we promoted our project by word of mouth and also on social media, we started receiving a huge response from students" he added.

A booth was set up at Dewan Utama Pelajar (DUP) for students to send their used goods.

According to Aziz, students however think that it is inconvenient to send their goods there as they prefer to call the committee members to directly collect it from them.

Aziz also said that they chose Kampung Penibong because it is an adventurous trip. He explained that, they will be going there by boat and also to gain experience in reaching out to the villagers in rural areas.

Among the things that are going to be donated under the "Love in a Box" project are books and clothes for both adults and kids.

Kelincahan silat cekak berasaskan gerak-geri solat

Meraung-raung ia meraih simpati, malang sekali panggilannya masih tidak didengari". Itulah silat, suatu seni warisan Melayu yang kini semakin dilupai oleh bangsa melayu sendiri. Dewasa ini, kita melihat ramai anak-anak muda Melayu lebih berminat mendalami ilmu-ilmu mempertahankan diri seperti taekwondo, judo, karate, ju-jitsu, muay Thai dan sebagainya. Silat seperti seni mempertahankan diri yang lain mempunyai keistimewaan mereka yang tersendiri dan terdapat pelbagai jenis silat di Malaysia. Salah satu silat tersebut ialah Silat Cekak. Silat Cekak merupakan suatu ilmu yang menyeluruh, merangkumi aspek-aspek zahir dan batin yang bertindak untuk menjaga jasad (zahir) dan roh (batin) pengamalnya.

Terdapat pendapat bahawa silat mempunyai unsur-unsur khurafat dan tahyul serta akan menyebabkan pengamalnya menjadi tidak betul. Perkara itu disangkal sekeras-kerasnya oleh Prof. Madya Dr. Hj. Abdul Majid Ismail yang merupakan Pensyarah Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia (USM) merangkap Penasihat Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia USM (PSSCMUSM). Beliau menyifatkan pemikiran itu sebagai suatu persepsi umum yang salah dan tidak berasas.

"Saya sudah lama bergiat dalam silat cekak, jika benar apa yang dikatakan oleh masyarakat umum, patutnya saya dah sewel. Bahkan sehingga ke hari ini, anak-anak murid saya tidak pernah mempunyai masalah seperti yang didakwa," tegas beliau.

Menurut Majid, Silat Cekak mempunyai hubung kait yang sangat rapat dengan ajaran agama Islam yang berlandaskan tauhid dan asas pergerakan silat ini berbeza dengan silat yang lain. Salah satu prinsipnya adalah berdiri tegak menyerupai keadaan solat iaitu berbeza sama sekali dengan kebanyakan silat yang berkuda-kuda iaitu berdiri dalam keadaan membengkokkan lutut kebawah dan merendahkan diri sedikit. Uniknya, pergerakan-pergerakan dalam silat ini adalah ianya merupakan lanjutan daripada perbuatan-perbuatan dalam solat seharian seorang muslim seperti berdoa (ketika berdiri), qiam, rukuk dan semasa mengangkat takbiratul ihram.

Majid turut menerangkan bahawa terdapat 4 kaedah dalam Silat Cekak. Kaedah tersebut telah diwarisi secara turun menurun dan setiap kaedah tersebut mempunyai buah-buah tertentu. Sebelum kaedah-kaedah tersebut dapat diterangkan dengan lebih lanjut, adalah penting untuk seseorang memahami apa yang dimaksudkan dengan "buah". "Buah" dengan bahasa yang mudah merupakan satu sistem pergerakan yang melibatkan penangkisan dan penguncian musuh. Kesemua kaedah dalam silat cekak mempunyai "buah" mereka masing-masing dan berbeza mengikut kaedah yang sedang dipelajari

"Kaedah – kaedah ini dikenali sebagai kaedah A, Kaedah B, Kaedah C dan Kaedah D. Kesemua kaedah adalah hasil daripada pergerakan dalam solat harian kita.

Di samping itu, kaedah asas ini merupakan pergerakan tangan yang menjadi asas pergerakan dalam membuat buah (pukulan) dan keempat-empat kaedah ini dapat melindungi tubuh dari aras kepala hingga ke kaki", terang Majid.

Majid turut menyatakan bahawa kaedah D berbeza daripada kaedah A, B dan C kerana ia memerlukan sedikit pergerakan daripada pihak pertahanan dalam mempertahankan diri daripada diserang.

"Kita boleh melihat bahawa silat khususnya Silat Cekak amat menitikberatkan konsep Islam dari pengamal mereka. Segala pergerakan dalam silat tersebut mempunyai makna yang tersirat dan pergerakan silat cekak amat berkait rapat dengan kehidupan seharian seorang muslim iaitu dari segi mereka menunaikan kewajipan mereka sebagai seorang muslim iaitu solat lima kali sehari", kata Majid.

Silat tidak boleh dipisahkan dari agama. Belajar silat, kita nak jaga budaya dan agama. Dalam budaya, ada agama. Kalau tak ada silat, macam mana nak jaga agama. Dalam silat inilah, kalau kita teliti dalam silat cekak, kita nak mempertahankan agama Islam menerusi prinsip-prinsip yang dipegangnya," ujar beliau lagi.

Majid berharap dengan adanya PSSCM, USM bertekad menghidupkan kembali warisan peninggalan nenek moyang Bangsa Melayu dengan menjemput siswa-siswi untuk mengikuti ilmu silat cekak sebagai salah satu cara untuk meningkatkan keyakinan diri disamping menjaga dan mempertahankan diri apabila berhadapan dengan suatu situasi yang tidak dijangka.

Berbeza dengan ilmu-ilmu mempertahankan diri yang lain, ilmu persilatan adalah suatu bidang ilmu yang menitikberatkan ilmu kebatinan yang disampaikan menerusi ajaran-ajaran tauhid.



Pergerakan Kaedah A yang menyerupai pergerakan berdoa ketika bersolat iaitu menepis serangan daripada bahagian dada ke pusat.

KAEDAH A yang turut dipanggil sambut adalah diilhamkan daripada pergerakan berdoa ketika bersolat.

Oleh itu, pergerakan dalam silat tersebut akan sentiasa dimulakan dengan berdoa kepada Tuhan untuk menyampaikan niat kita dalam mempelajari ilmu silat tersebut. Pergerakan ini dilakukan dengan mengangkat telapak tangan seperti berdoa dalam solat untuk mempertahankan diri.

Apabila terdapat serangan, telapak tangan tersebut akan menepis serangan tersebut dengan mencekam di bahagian pergelangan tangan penyerang agar mereka tidak melakukan serangan lain.

Terdapat 13 jenis buah atau pukulan yang terdapat pada kaedah A antaranya ialah Buah Pertama yang merupakan buah asas yang harus dipelajari oleh pengamal silat cekak. Bentuk serangan kaedah A ialah serangan dari dada ke pusat sesorang.



Pergerakan Kaedah B yang mengikut pergerakan Qiam dalam menghalang diri daripada diserang musuh.

KAEDAH B dalam Silat Cekak ialah lanjutan daripada pergerakan Qiam dalam solat dan turut dikenali sebagai Kaedah Kuntau.

Qiam adalah pergerakan meletakkan tapak tangan kanan di atas tangan kiri ketika solat. Qiam dalam konteks silat merupakan satu usaha untuk mempertahankan diri selepas kita berdoa kepada tuhan.

Pergerakan ini dilakukan dengan menepis pukulan yang diberikan oleh penyerang daripada terkena muka ataupun badan mereka. Kaedah ini lebih kepada mengelakkan diri daripada serangan pihak lawan.

Terdapat 9 jenis buah dalam kaedah B dan Buah Keputusan Gayong Fatani merupakan salah satu buah tersebut.

Buah ini berdasarkan gerak rasa seperti dalam Islam yang menitikberatkan perasaan dalaman sesorang dalam membuat sesuatu keputusan.



Pergerakan Kaedah C bertujuan menepis serangan musuh yang menyerang dari aras pusat dan ke bawah.

KAEDAH C yang turut dipanggil Kaedah Kuntau Pukulan Bawah mengikut pergerakan rukuk dalam solat seharian kita di mana kita akan membengkok ke hadapan dan memegang lutut.

Bentuk serangan kaedah C ialah serangan dari aras pusat dan ke bawah. Pergerakan dalam kaedah C adalah dengan menepis serangan pihak lawan jika mereka menyerang dari aras pusat dan ke bawah.

Kaedah ini sama seperti kaedah B dari segi penepisan serangan tersebut tetapi serangan yang dilakukan oleh penyerang adalah dari aras pusat dan ke bawah. Buah Kilas Hadapan merupakan antara 3 jenis buah yang terdapat pada kaedah C.



Pergerakan kaedah D digunakan untuk mempertahankan diri daripada serangan musuh yang menyerang pada bahagian leher hingga ke atas kepala.

KAEDAH D diilhamkan oleh pergerakan semasa mengangkat takbiratul ihram dalam solat dan ia dipanggil Kaedah Kuntau Tengkisan.

Pergerakan ini dilakukan dengan mengangkat tangan dan menggunakan tangan tersebut untuk menepis serangan musuh yang menyerang pada bahagian leher hingga ke atas kepala.

Bahagian leher ke atas kepala merupakan bahagian yang sensitif dan harus dilindingi daripada serangan individu.

Hanya terdapat 1 jenis buah sahaja dalam kaedah D iaitu Buah Hempok iaitu menghempaskan sesuatu.

Salasilah Silat Cekak Malaysia

Silat cekak, silat gayung dan silat lincah merupakan antara silat-silat yang terdapat di Malaysia. Silat cekak merupakan silat yang berasal dari Kedah dan mempunyai pegangan yang teguh terhadap tauhid. Tambahan lagi, silat cekak merupakan seni mempertahankan diri yang menggabungkan ilmu persilatan dan ilmu tauhid.

Menurut Majid, pada zaman dahulu seni silat cekak diajar kepada panglima-panglima istana untuk mempertahankan negeri Kedah dari diserang oleh musuh pada ketika itu. Ketangkasan pergerakan silat cekak itu mampu menjadi salah satu benteng pertahanan. Konsep silat cekak adalah menunggu serangan dan menapak ke hadapan dan tidak mengundur ke belakang jika diserang musuh. Semasa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin, Panglima Ismail merupakan panglima yang paling lama mempelajari seni mempertahankan diri itu.

"Walau bagaimanapun, sebelum Panglima Ismail meninggal dunia, beliau telah menurunkan ilmu persilatan tersebut supaya dapat diwariskan kepada Panglima Tok Rashid," tambah beliau lagi.

Oleh disebabkan wabak taun berlaku di tempat tinggal Panglima Tok Rashid pada ketika itu, beliau terpaksa berpindah ke Perak tetapi akan menurunkan ilmu persilatan kepada sesiapa yang mahu mempelajarinya. Panglima Tok Rashid kemudiaannya mengamanahkan Silat Cekak ini kepada Yahya Said salah seorang anak muridnya untuk meneruskan pewarisan silat agar tidak dapat dilupakan. Beliau juga meninggalkan pesan supaya menurunkan ilmu persilatan jika terdapat anak cucunya yang berasal dari Kedah yang ingin mempelajari silat tersebut.

Oleh itu, semasa 1965, beliau datang menuntut seni persilatan denganYahya Said yang pada ketika itu masih memegang amanah Panglima Tok Rashid supaya menurunkan ilmu persilatan tersebut. Berpegang pada janji, Yahya Said sudi mengambil Ustaz Hanafi sebagai anak muridnya. Selepas tamat mengajar, Yahya Said sendiri mengkhatamkan Ustaz Hanafi dan kemudiannya mewariskan ilmu silat cekak kepada Ustaz Hanafi untuk disebarkan. Yahya Said kemudiannya kembali ke Perak setelah melaksanakan amanah Panglima Tok Rashid yang dipegang selama 40 tahun itu. Selepas permergian Ustaz Hanafi pada tahun 1986, jawatan beliau diisi oleh YM Tuan Hj. Ishak bin Itam dan diikuti oleh Y. Bhg Datuk Hj. Maideen bin Kadir Shah yang mula memegang amanah sebagai guru utama dalam Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM).

Menurut seorang pengamal silat cekak, Mohd Badrul Izzat Kamaludin, 23, nama Ustaz Hj. Hanafi bin Hj. Ahmad merupakan individu yang tidak asing dalam sejarah Silat Cekak Malaysia. Beliau juga merupakan guru yang membawa konsep kerohanian iaitu menggabungkan ilmu tauhid dan ilmu persilatan dalam silibus pembelajarannya bermula dari kaedah-kaedah dalam silat cekak sehingga membentuk 21 buah pergerakan silat. Pada ketika itu, beliau menuntut ilmu agama di pondok. Guru yang mengajar beliau mahu beliau membuka sebuah pondok. Akan tetapi beliau berpendapat, jika beliau membuka sebuah pondok hanya orang-orang baik sahaja yang datang belajar dan tiada siapa yang mahu membantu mereka yang kurang akhlak supaya dapat dibimbing ke jalan yang benar berlandaskan ilmu agama.

"Ini menyebabkan Ustaz Hanafi mempelajari pelbagai jenis ilmu persilatan dan mencari silat yang paling sesuai untuk digabungkan dengan ilmu tauhid yang dipelajarinya. Setelah mempelajari silat cekak, beliau merasakan, silat cekak merupakan silat yang sesuai untuk digabungkan dengan ilmu tauhid," ujar Badrul.

Kini, PSSCM telah mempunyai 12 cawangan di seluruh Semenanjung Malaysia antaranya di negeri Johor, Negeri Sembilan, Perak, Kelantan, Kedah, Perlis, Terengganu serta Pahang dan mempunyai keahlian yang makin meningkat pada setiap tahun. Malahan, di institut-institut pengajian tinggi turut ditubuhkan persatuan-persatuan seni mempertahankan diri seperti silat supaya tradisi turun temurun itu terus menjadi warisan zaman berzaman dan tidak dilupakan oleh generasi muda terutamanya. Silat cekak turut diperkenalkan sebagai subjek ko-kurikulum kepada siswa-siswi yang berminat pada peringkat universiti. Tidak terkecuali, Persatuan Silat Cekak Malaysia USM telah ditubuhkan untuk membuka peluang kepada siswa-siswi yang berminat. Persatuan itu mengadakan sesi latihan pada setiap hari Isnin dan Jumaat. Penyelia persatuan ini merupakan pensyarah dari Pusat Pengajian Perumahan Bangunan dan Perancangn, Prof. Madya Dr. Hj. Abdul Majid Ismail.





[ATAS] Pergerakan Buah Ali Patah Atas yang ditunjukkan oleh siswa-siswi Persatuan Silat Cekak Universiti Sains Malaysia.
[KANAN] Prof. Madya Dr. Hj. Abdul Majid Ismai sebagai Penasihat Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia USM.

Pantang larang dalam Silat Cekak

Secara umumnya setiap silat mempunyai pantang larang mereka yang tersendiri dan pantang larang sesuatu silat tersebut ditentukan oleh pengasas silat itu mengikut kesesuaian silat tersebut.

Menurut Pengasas Persatuan Silat Tua Pulau Pinang, Zainal Abidin Shaikh Awab atau lebih senang dikenali sebagai Pakcik Zainal, pantang larang wujud dalam semua jenis silat agar pengamalnya mengetahui adab dan batasan mereka semasa mengamalkan ilmu tersebut. Justeru itu, beliau turut menerangkan bahawa pantang larang yang terdapat pada sesuatu silat tersebut mungkin berbeza dengan silat yang lain.

"Terdapat perbezaan pantang larang antara silat-silat di Malaysia dan pantang larang Silat Cekak perpandukan kepada lima aspek yang penting dan ditekankan dalam Islam iaitu tidak menderhaka kepada guru, tidak menderhaka kepada ibu, tidak menderhaka kepada bapa, tidak bergaduh sesama ahli dan tidak mencaci silat-silat Melayu lain", terang pakcik Zainal.

Para pengamal silat dilarang sama sekali daripada menderhaka kepada guru mereka. Guru di sini bukan sahaja guru silat mereka malahan guru lain yang turut mengajar mereka dalam apa jua bidang. Guru yang memberikan ilmu kepada mereka dan mereka seharusnya berterima kasih kepada guru mereka dan bukannya mengingkari guru dan ilmu yang didapati oleh guru mereka.

Pantang larang seterusnya ialah tidak menderhaka kepada ibu dan bapa mereka. Hal ini kerana ibubapa bukan sahaja yang turut serta melahirkan mereka namun mereka turut merupakan pendidik yang terawal kepada para pesilat tersebut. Justeru itu, silat turut berpaksi kepada hukum Islam di mana syurga di bawah telapak kaki ibu dan ianya mengajar agar tidak menderhaka kepada ibu dan bapa mereka.

Menurut Abdul Majid Ismail, ahli silat cekak dilarang sesama sekali daripada bergaduh sesama ahli. Silat tidak membenarkan pergaduhan berlaku sesama ahli kerana silat mahukan kehidupan yang harmoni antara masyarakat. Sehubungan itu, silat turut mengajar bahawa tiada apa yang akan kita dapat jikalau kita bergaduh antara satu sama lain dan turut menekankan agar menyelesaikan suatu masalah dengan cara yang lebih baik seperti berbincang daripada berlawan.

"Dalam Silat Cekak juga ahli dilarang daripada mencaci silat-silat melayu yang lain. Hal ini kerana setiap silat yang wujud di Malaysia berasal daripada rumpun yang sama dan jikalau kita mencaci sesuatu silat tersebut, maknanya kita mencaci budaya melayu itu sendiri. Perbuatan mencaci silat Melayu lain merupakan satu tindakan yang salah dan dilarang sesama sekali terhadap pengamal ilmu silat cekak", ujar Majid.

Majid turut menyokong pendapat Pakcik Zainal dalam menyatakan bahawa pantang larang silat berbeza mengikut silat dan juga pengasasnya.

Kita boleh melihat bahawa setiap silat mempunyai keistimewaan yang tersendiri sehingga mereka mempunyai pantang larang mereka yang tersendiri dalam mengawal tingkah laku pengamal silat tersebut. Pantang larang turut dijadikan sebagai satu panduan hidup bagi pengamal silat tersebut.

Ahli silat cekak dilarang sama sekali daripada bergaduh sesama ahli. Silat tidak membenarkan pergaduhan berlaku sesama ahli kerana silat mahukan kehidupan yang harmoni antara masyarakat.

Racism is so yesterday

By **ILAIYA BARATHI PANNEERSELVAM**

Remembrance of our colourful childhood days playing with our neighbouring kids from seven year olds to, usually up to 12 year olds, roaming around the streets wearing our cute little pants and t-shirts that sometimes were bigger than our actual sizes, which had to be adjusted from falling repeatedly on our shoulders must be reverberating in our minds joyfully, yet none of us bother to identify any differences among ourselves except the determination in playing together.

Those were the times where we mingled as the colours of marbles that we played on the silky sands behind our houses and we were full with aspirations of reaching with the kites that we flew every evening on the greenish fields where our laughter thundered on the roads of our happiness.

58 years since our country freed itself from the grappling of British Imperialism, thanks to all freedom fighters that were formally recognised and honoured in history, and deepest gratitude to those unrecognised and forgotten forces in the liberation movement

However, this writing is not about history on freedom fighters or freedom movements, but a reflection on racism that has infiltrates into today's society, much more vicious than ever.

Undoubtedly, the spirit of Bangsa Malaysia has failed to permeate into the hearts and minds of some Malaysians as the feelings of seeing one's race is superior to others and prejudices against other races could be sensed.

Since the era of colonialism, from the Dutch empire till Japanese occupation, many leaders and organisations have involved in resisting discrimination and oppression based on one's skin colour. For instance, Pusat Tenaga Ra'yat (PUTERA) and All-Malayan Council Joint Action (AMCJA) collaborated in drafting the People's Constitution to the British government as an alternative for Federal Constitution.

According to Director of Sepuluh Tahun Sebelum Merdeka, Fahmi Reza, PUTERA-AMCJA held a nationwide Hartal which was regarded as the first political action in Malaya that involved the united action of people of all races. (Fahmi Reza, The Sun, 1 October 2007).

Leaders and icons such as our first Prime Minister Tunku Abdul Rahman, founder of Angkatan Pemuda Insaf (API), Ahmad Boestamam, first president of Malayan Chinese Association (MCA), Tun Tan Cheng Lock, president of Pan Malayan Federation of Trade Unions (PMFTU), P. Veerasenan and many more have campaigned vehemently for racial unity while spreading nationalism to liberate our country.

Ironically, it is shamefully acknowledgeable that racism is still clutching strongly on a significant segment of society.

Malaysia, a country made up of various ethnicities, is in a great need of understanding among each other to unite under a single roof. We need to unite not only as Malaysians, but as human beings as well.

Yet, when we look deeper into the roots of our society and our own neighbourhood, it might be reflecting a contrary perspective.

As for myself, my Malay neighbour who is also a close friend of my mother would be helping day and night during festival times, especially Deepavali. She will be there baking cookies and mixing flours with ghee to make it tastier and crunchier as we take bites upon bites.

Thereafter, it will be our turn to help them during festive seasons by helping them painting their walls, cleaning their houses while arranging the couches as my mom helps them to cook with their normal gossips about our neighbourhood.

Undoubtedly, racism has to be curbed and destroyed until the root of racism cannot be traced at all.

It is the responsibility of everyone to advocate love and humanity, instead of hatred and stereotypes. We shall march towards a brave new world which is free from racism and racial discrimination.

Malaysia, a country made up of various ethnicities, is in a great need of understanding among each other to unite under a single roof. We need to unite not only as Malaysians, but as human beings as well.

Keikhlasan hati pupuk semangat kesukarelawanan

Oleh **RODIAH MD DAUD**

Membantu masyarakat lain yang memerlukan bantuan hanya boleh dilakukan oleh individu yang mempunyai hati yang ikhlas kerana tugas sebagai seorang sukarelawan ini bukanlah tugas yang mudah. Individu yang terlibat dengan kesukarelawanan tidak akan dibayar. Mereka hanya menabur tenaga bagi membantu golongan yang memerlukan secara percuma. Tidak semua dilahirkan dari keluarga yang sempurna. Hidup umpama roda, saat kita berada di atas, kita perlu membantu mereka yang berada di bawah kerana tidak mustahil kita juga akan jatuh ke bawah kelak. Itulah sebenarnya hakikat sebuah kehidupan.

Dalam kesibukan harian, masih ada banyak pihak yang sudi membantu golongan yang memerlukan ini. Jika perkara tersebut dilakukan kerana Allah, keikhlasan akan muncul secara sendiri dari dalam hidup manusia. Itulah kata-kata pensyarah Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia(USM), Dr Mohd Nizam Sahad yang sering membantu golongan yang memerlukan walaupun mempunyai komitmen yang tinggi dalam kerjaya dan peribadi. Walaupun mempunyai komitmen yang tinggi tetapi beliau masih mampu membantu golongan yang memerlukan. Segala yang dilakukan bukan untuk mendapatkan anugerah tetapi kerana ikhlas.

Dr. Mohd Nizam Sahad dilahirkan di Kepala Batas, Pulau Pinang. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Irsyad, Kepala Batas Pulau Pinang, Kolej Islam Sultan Azlan Shah (KISAS), Ijazah pertama dalam bidang Usulludin di Universiti Malaya dan diberikan tawaran biasiswa dalam bidang Usulludin pada peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Dr. Suhaila Abdullah yang juga merupakan pensyarah di USM pada tahun 2000, dikurniakan dua orang cahaya mata yang terdiri daripada seorang lelaki dan seorang perempuan.

Penglibatan beliau dalam aktiviti kesukarelawanan bermula sejak menjadi siswa lagi. Namun pada ketika itu, aktiviti kesukarelawanan yang disertai hanyalah aktiviti-aktiviti kecil-kecilan. Namun, beliau terlibat secara aktif dalam kesukarelawanan apabila menyertai Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM). Pada ketika itu, PERKIM cawangan Kuala Lumpur meminta USM menubuhkan sekretariat PERKIM dan kini beliau menjadi penasihat bagi PERKIM USM. Dengan itu, keterlibatan ini membuatkan beliau semakin aktif bagi memberi bantuan kepada pihak yang memerlukan.

Beliau banyak menghulurkan bantuan dari segi menyebarkan dakwah. Ia dianggap bonus bagi beliau memandangkan beliau mempunyai taraf pendidikan dalam jurusan keagamaan. Selepas menyertai PERKIM. Aktiviti kesukarelawanan yang pertama beliau lakukan ialah Pengukuhan Dakwah Umat Islam. Ia merupakan program bagi membantu golongan mualaf. Aktiviti kesukarelawanan bukan hanya sekadar membantu dari segi kewangan. Ia juga merangkumi bantuan yang diberi secara sukarela tanpa mengharapkan balasan. Ilmu yang disebarkan oleh beliau ialah supaya ilmu tersebut boleh dimanfaatkan dengan berguna. Itulah yang dilakukan oleh beliau iaitu dengan memberi maklumat dan tunjuk ajar kepada mereka. Sejak program tersebut diadakan, beliau semakin tertarik untuk membuat kerja-kerja lapangan lain.

Sebagai umat Islam, kita semua adalah bersaudara. Beliau tidak memilih untuk melakukan aktiviti kesukarelawanan hanya kepada warganegara sendiri. Baru-baru ini beliau melawat ke Langkawi bagi membantu etnik Rohingya yang ditempatkan di sana. Etnik ini tinggal di Langkawi dan hanya tidur tanpa sebarang alas. Mereka hanya tidur di atas lantai tanpa menggunakan bantal dan juga selimut. Inisiatif yang beliau ingin lakukan supaya masyarakat di Langkawi menghulurkan bantuan kepada golongan ini. Masyarakat luar juga digalakkan untuk memberi bantuan kepada etnik ini kerana mereka hidup dalam kesengsaraan termasuk kanak-kanak, wanita dan orang tua. Menurut beliau, sirah nabi ada menyebut bahawa, sekiranya umat Islam ditindas, mereka boleh berhijrah. Perkara tersebut juga dilakukan oleh Rasullulah S.A.W ketika ditindas oleh masyarakat di Mekah. Jadi, sudah menjadi tanggungjawab untuk memberi bantuan kepada yang ditindas ini.

Dalam bulan November ini, beliau telah melaksanakan program di dalam USM dan luar USM. Program tersebut adalah berdasarkan inisiatif untuk menggalakkan siswa-siswi menulis. Melalui penulisan ini, siswa-siswi boleh berdakwah sambil menjana pendapatan sekiranya artikel tersebut berjaya diterbitkan. Beliau akan menjadi tenaga penggerak bagi melaksanakan program ini. Siswa-siswi digalakkan menulis artikel popular di majalah kemudian jika diterbitkan, siswa-siswi boleh menyumbang serba sedikit kepada mereka yang memerlukan. Ini merupakan inisiatif untuk membantu mereka yang memerlukan. Sebelum melangkah ke alam seterusnya, adalah penting untuk kita tinggalkan manfaat kepada orang lain. Beliau hanya boleh memberi semangat kepada siswa-siswi untuk menulis namun naluri menulis itu terletak kepada siswa-siswi itu sendiri.

Selain itu, beliau juga pernah melaksanakan projek Bengkel Tahsin Al-Fatihah dan Tafsiran Akidah dalam Al-Fatihah. Program ini mengajar teknik dan bacaan surah yang betul. Adalah menjadi tanggungjawab beliau kerana kebanyakan masyarakat hanya membaca dengan biasa dan jika membaca dengan cara yang betul, ia akan membuatkan hati seseorang merasa tersentuh dengan bacaan tersebut. Beliau juga banyak memberi motivasi kepada pelajar sekolah rendah dan menengah. Aktiviti yang beliau lakukan banyak dalam menyebarkan ilmu kepada masyarakat. Beliau juga pernah menjadi ahli panel bagi Ceramah Bahaya Murtad 'Menyingkap Tirai Kesesatan' sempena Maal Hijrah. Ia merupakan penghargaan besar kepada beliau mengendalikan program bermanfaat ini.

Beliau sangat aktif menyebarkan dakwah dan bantuan kepada masyarakat. Walaupun sibuk menjalankan tugas sebagai pensyarah, suami dan bapa, tidak ada alasan untuk beliau untuk berkhidmat kepada masyarakat. Masyarakat yang tidak berkemampuan amat memerlukan bantuan daripada mereka yang berkemampuan. Jadi, sudah menjadi tanggungjawab untuk membantu dan ia juga sebagai bekalan sebelum melangkah ke alam seterusnya.

Oleh **NURUL FAZERA ABDUL AZIZ**

Sistem tanam rock melon cara fertigasi

Penanaman rock melon menggunakan kaedah fertigasi bukanlah perkara baru dalam kalangan petani pada masa ini. Malah, teknologi tersebut sudah menjadi aplikasi yang lazim dan semakin mendapat sambutan memberangsangkan berikutan kelebihannya yang mudah dilaksanakan berbanding kaedah konvensional lain.

Selain mudah dan cepat, kaedah fertigasi tidak memerlukan ruang yang luas kerana medium tanaman fertigasi hanya memerlukan sebuah beg plastik berisi tanah dengan baja yang diagihkan melalui sistem pengairan. Oleh sebab itu, kaedah fertigasi ini dinamakan pertanian bandar.

Penanaman fertigasi menggunakan ruang yang sedikit dan pokok mendapat bekalan nutrien yang sempurna. Yakin dengan konsep tersebut yang dapat memberi keuntungan, Muhammad Hafiz Ahmad pelajar tahun akhir, Pusat Pengajian Sastera dengan Pendidikan bertekad mengusahakan penanaman fertigasi rock melon. Menceritakan pengalaman pertama mengusahakan penanaman rock melon dengan kaedah fertigasi tersebut pada akhir tahun 2012.

"Projek penanaman fertigasi telah dilancarkan di Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar (PPKSP) dan kebetulan ketika itu, saya berada semasa pelancaran tersebut. Pada masa itu, Puan Izzati iaitu Timbalan Pendaftar PPKSP memberitahu saya untuk jalankan projek fertigasi. Jadi daripada situlah langkah permulaan Kelab Usahawan dalam projek fertigasi", katanya.

Projek tanaman rock melon yang menggunakan kaedah fertigasi ini mendapat peruntukan untuk pertanian dibawah dana APEX.

Jejaka berusia 23 tahun ini turut dibantu oleh lima orang sahabatnya yang terdiri daripada ahli Kelab Usahawan. Namun bantuan mereka adalah terhad kerana kekangan masa yang terhad kerana proses pengajaran dan pembelajaran dan juga aktiviti kokurikulum.

Rumah hijau yang terletak di belakang Pusat Pengajian Perumahan, Pembangunan dan Perancangan bersaiz 100 kaki panjang dan lebar lapan kaki turut dilengkapi kemudahan berkaitan teknologi fertigasi bagi melancarkan operasi rumah tersebut. Rumah hijau tersebut memuatkan 320 pokok rock melon. Kaedah fertigasi ini sebenarnya tidak menjimatkan kos kerana pada awal penanaman ia memerlukan kos yang tinggi untuk penyediaan peralatan teknologi seperti mesin tetapi ia hanya sekali sahaja pada awal penanaman. Namun begitu, pembinaan rumah hijau tersebut tahan lama. Jika tiada masalah seperti ribut dan sebagainya, rumah hijau tersebut mampu bertahan hampir 15 tahun.

Ditanya kenapa memilih rock melon berbanding tanaman lain seperti cili dan tomato, Hafiz memberitahu, penanaman cili terlalu teknikal kerana mudah dihinggapi penyakit dan sangat sensitif. Begitu juga dengan tomato, harga tomato di pasaran tidak terlalu rendah dan tidak terlalu tinggi serta pulangannya kurang menguntungkan. Menurut Hafiz lagi, tiada masalah jika ingin menanam tomato tetapi mestilah dalam skala yang besar. Oleh itu, ia memilih penanaman rock melon disebabkan harganya yang stabil di pasaran. Dari segi permintaan pula, ia tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah. Beliau mengakui, penanaman buah rock melon jenis Glamour ini sangat mudah dijaga tetapi harus dipantau pada setiap hari.



Muhammad Hafiz turut melakukan tinjauan akhir bagi memastikan buah rock melon dalam keadaan baik.

Kaedah fertigasi ini sangat menjimatkan masa. Hal ini demikian, suhu dan kelajuan angin yang seimbang menyebabkan pertumbuhan rock melon itu sekata dan mengambil masa hanya tempoh 68 hari sahaja.

"Kadangkala, masalah susah atau tidak ini disebabkan kita terlepas pandang. Contohnya, jika terdapat ulat atau siput babi dalam rumah tersebut, ia perlu dibuang dengan segera. Jika tidak dibuang, binatang perosak ini akan membiak dan mengancam tanaman. Tinjauan perlu dilakukan dan pemasangan kelambu di rumah hijau dilakukan untuk mengelak penyakit", katanya ketika ditemui di rumah hijau penanaman rock melon baru-baru ini.

Apabila ditanya lagi mengapakah memilih tanaman secara berbumbung iaitu di dalam rumah hijau berbanding penanaman secara terbuka yang lebih cepat pertumbuhannya, Hafiz menyatakan berdasarkan pengalaman beliau sendiri menguruskan tanaman rock melon selama lima fasa ini, tiga fasa terawal gagal kerana menanam secara terbuka. Apabila ia ditanam secara terbuka, agen penyakit banyak dan serangan serangga meningkat.

Dari bertitik tolak kegagalan itulah dia bangkit dan penanaman fasa keempat dan kelima ditanam secara berbumbung. Bukan sebarang plastik yang digunakan dalam pembinaan rumah hijau ini kerana plastik yang dipakai boleh menapis sinaran ultra violet dan hanya radiasi matahari sahaja yang dapat masuk. Penggunaan bumbung ini lebih kepada mengelakkan terkena hujan. Dalam proses penanaman, kita mesti ibaratkan pokok seperti manusia. Bila kita berpanas dan tiba-tiba kita pergi mandi, kita akan demam.

Begitu juga dengan pokok, kalau pokok kena panas di bawah terik matahari dan tiba-tiba hujan turun, pokok tersebut akan rosak. Dari segi pertumbuhan cepat atau tidak, terdapat sedikit pengaruh air dan baja. Oleh itu, untuk mempercepatkan pertumbuhan pokok, pengusaha tanaman mestilah mahir dari segi pembajaan.

Kaedah fertigasi ini sangat menjimatkan masa. Hal ini demikian, suhu dan kelajuan angin yang seimbang menyebabkan pertumbuhan rock melon itu sekata dan mengambil masa hanya tempoh 68 hari sahaja.

Kaedah fertigasi ini sememangnya menjamin kebersihan sebab kalau dilihat cara penanaman dalam rumah hijau yang ditutup dengan plastik, rumput tidak akan naik dan ditepinya pula dipasang kelambu supaya tiada serangan serangga. Oleh itu, untuk mengawal seranggan penyakit, pemasangan kelambu mestilah dibuat. Inisiatif ini dibuat bagi meminimumkan penggunaan racun serangga namun penggunaan racun kimia turut digunakan bagi membasmi kawalan penyakit seperti kulat.

Dari sudut fertigasi, ia bukanlah satu sistem yang boleh menjamin pokok itu tidak dijangkiti penyakit tetapi cuma sistem pembajaan sahaja. Baja mestilah diukur dengan betul dan penggunaan meter digunakan bagi menyalurkan baja ke setiap pokok. Pemberian baja mestilah pada kadar yang ditetapkan dalam bentuk titisan. Kepekatan baja biasanya dalam 2.5 hingga 3.0. Namun, jika musim hujan atau jerebu melanda, kepekatan baja akan dinaikan hingga mencecah 3.5. Pemberian baja dilakukan pada setiap hari iaitu sebanyak lima kali sehari. Baja disalurkan selama tiga minit pada satu sesi. Waktu pemberian baja yang paling efektif adalah pada pukul 7 pagi hingga 1 petang kerana pada waktu itu proses fotosintesis berlangsung. Pemberian pada pada waktu lain seperti jam 6 petang adalah tidak efektif. Setiap pokok boleh mengeluarkan buah di antara 15 hingga 25 biji termasuklah buah yang putik. Dalam banyak-banyak buah, hanya sebiji akan dipilih dan dibiarkan membesar.

Proses pendebungaan adalah proses yang sangat penting. Berkongsi mengenai cara pendebungaan benih Glamour ini, anak jati Batu Pahat, Johor ini memberitahu terdapat tiga cara untuk melakukan pendebungaan ataupun mengahwinkan antara bunga jantan dengan bunga betina. Kerja pendebungaan ini hendaklah dilakukan dengan teliti agar tidak merosakkan debunga yang terdapat dalam kelopak bunga. Proses pendebungaan mempunyai tiga cara iaitu secara natural, manual dan nyoss. Cara natural ialah menggunakan lebah kelulut dan dilepaskan ke dalam rumah hijau tetapi racun serangga tidak boleh digunakan walaupun setitik.

Cara kedua ialah manual iaitu dengan mengunakkan berus kecil dan ambil debunga jantan kemudian sapukan di kelopak bunga betina. Namun, Hafiz menggunakan cara ketiga iaitu nyoss. Kelopak bunga jantan perlu dibuang dan ada satu batang yang mempunyai debunga lalu dimasukkan dalam kelopak bunga betina kemuadian ia dipusing-pusingkan sampailah debunga melekat pada kelopak bunga betina. Proses pendebungaan tidak boleh dilakukan ketika musim jerebu kerana radiasi matahari tidak tembus masuk ke dalam rumah hijau.

Penanaman pokok rock melon yang menggunakan kaedah fertigasi melibatkan empat kali penanaman dalam tempoh setahun. Setiap kali tuaian akan mendapat untung bersih sebanyak Rm1500. Hasil keuntungan tersebut akan diagihan kepada ahli Kelab Usahawan yang terlibat. Tahap kemanisan buah rock melon yang ditanam diantara 11 hingga 13 brix. Hasil rock melon akan dijual kepada orang luar tetapi ia tidak banyak kerana mendapat permintaan yang tinggi dalam kalangan staf Universiti Sains Malaysia (USM).

Pengurusan sisa pepejal yang berkesan untuk kelestarian komuniti

Moderator diskusi kelestarian yang bertajuk Masyarakat dan Amalan Pengurusan Sisa Pepejal Ke Arah Kelestarian Komuniti, Ahmad Hadri Jumaat menjelaskan bahawa pengomposan bahan buangan ialah cara yang terbaik untuk menguruskan sisa pepejal berbanding dengan cara kitar dan guna semula.

"Pengkomposan dapat membantu menyuburkan tanaman dan mengurangkan sisa organik yang domestik. Namun, pengkomposan ialah satu cara pengurusan sisa pepejal yang susah dijalankan kerana banyak masa dan tenaga diperlukan", katanya lagi.

"Di negara asing seperti Taiwan mempunyai sistem pengurusan sisa yang baik. Kerajaan Taiwan telah menyenaraikan barang-barang yang boleh dikitar semula dan sisa sampah telah dibahagikan sebelum dibuang. Selain itu, China juga menggalakkan penduduknya mengeluarkan isian pen sebelum menbuang pen ke dalam tong sampah untuk mengurangkan pengeluaran karbon ke alam sekitar", jelas Hadri

Menurut Hadri lagi, pengurusan sisa di Malaysia masih kekurangan berbanding dengan negara-negara yang maju di Eropah kerana kesedaran masyarakat terhadap isu tersebut yang rendah, lokasi tapak pelupusan sampah yang terhad dan iklim tropikal Malaysia yang telah melambatkan proses pelupusan sisa pepejal.

"Kebanyakan orang kurang berminat untuk menggunakan bahan organik biorosot kerana harganya mahal. Namun, kita harus memahami penghasilan bahan organik biorosot memerlukan proses pembersihan sisa pepejal yang rumit dan teknologi yang canggih. Oleh itu, walaupun harganya mahal, kita dapat menggunakannya dengan selamat", terangnya lagi.

Sukarelawan Kampus Sejahtera, Norsyafiqah Ahmad menyatakan bahawa diskusi kelestarian ini adalah satu program dari Kluster Zero Waste yang dianjur oleh Kampus Sejahtera.

"Tujuan diskusi itu adalah untuk mengurangkan pembuangan sampah sarap dalam kalangan siswa-siswi dan memberi pendedahan kepada mereka tentang cara lestari untuk menguruskan sisa mereka", jelasnya lagi.

Pengkomposan dapat membantu menyuburkan tanaman dan mengurangkan sisa organik yang domestik.

An exposé to thought-provoking films

By **LYNA ALFIRA MOHAMED**

Out of their love for films, the postgraduate film studies students from the School of Communication, Universiti Sains Malaysia (USM) have introduced and facilitated a film-screening program which intends to share and invite people into the world of filmmaking by screening films that breaks away from the conventional expectations of Hollywood movies.

Entitled 'Buka Panggung 2015', the program is scheduled to take place from 27 October – 15 December 2015, featuring 7 films produced by international filmmakers namely Shonali Bose (India), Jean Luc-Godard (France), Andrei Tarkosky (USSR), Abbas Kiarostami (Iran), Joshua Oppenheimer (Indonesia), Shane Curruth (US) and Edward Yang (Taiwan).

Film and broadcasting lecturer, Dr. Mahyuddin Ahmad said the purpose of the program is to encourage a screening culture in university by showing films that are usually not screened by commercial cinema.

"We Malaysians are so accustomed to a particular type of narrative style to an extent that any other style that seeks to go against it comes off as unamusing. To most people, it is not entertaining enough," he said.

"Most of us, we go to the movies because we want to be entertained. If you want to be entertained, these are not the kind of films for you to be entertained rather ones that will provoke you to think about women, about societies, about relationships amongst many others," Mahyuddin continued.

Fellow colleague, Dr Adrian Lee Yuen Beng also said that this program intend to inculcate a culture whereby students are capable of not just watching but they will also be able to engage with the film as well as the audience and to discuss critically what was being shown in order to understand the context of the film.

"It is also to tell people that there are films that originate from other countries, beside Hollywood, filmmakers whom our students themselves don't know. Hence, through this program, we are trying to expose them to different forms of film narratives, film styles, filmmaking as well as film cultures," he continued further.

The program is set to show a lineup of films with its first, second and third screenings, *Margarita with a Straw*, *Contempt* and *Nostalghia* have already been taken place. Next in line are *Close-up* on 24 November, *The Act of Killing* on 1 December, *Upstream Colour* on 8 December and *Yi Yi* on 15 December 2015.

Adrian hopes that more students will attend it not just to make up the numbers but to attend this program as a platform to gain more ideas, to view things critically and to understand how to make better films.

"The ideas are all there. These are the mediums for them to learn from as well as to understand better how to make better films," he concluded.

Students encouraged to study abroad

Universiti Sains Malaysia (USM) International Office has recently organised the ASEAN International Mobility for Students (AIMS) Study Abroad briefing at the School of Mathematical Sciences on November 5.

Deputy Director of International Office, Dr Ahmad Lutfi Amri Ramli, was present to share with students on opportunities offered through the AIMS program.

"Only selected students will be sent to selected universities under AIMS program which include Thailand, Vietnam, Indonesia, Brunei, the Philippines and Japan", he explained

Nor Amymastura Abd Rahim, Mathematical Sciences 1, is keen to study abroad in Australia and has her eyes set on either the University of Adelaide or the University of Queensland.

"I am very interested in attending the agriculture courses offered in Australia. Plus, I have friends who are studying in there and they often tell me about how wonderful the life is there", she said.

Ong Wei Sin, Industrial Technology 3, who has previously completed the exchange programme at Mae Fah Luang University in Chiang Rai, Thailand said that studying there was one of the best memories in her university life.

"It was an eye opening experience. Not only did it broaden my knowledge on the culture and people there, I have also learned to be more independent and my communication skills has improved tremendously", she shared.

Lutfi strongly encourages the students who are hesitant to sign up for the study abroad program to grab the golden opportunity to travel overseas instead of worrying about extending their semester.

"Not only do students get to travel abroad at a cheaper price, it also allows them to live in an entirely different community where they will learn to interact with different people from various countries, broaden their perspectives and pick up valuable skills that will be useful in the near future", he said.

Those who are interested in studying abroad may drop by the International Office for inquiry on Tuesday and Thursday from 12 to 1pm or at 4pm.



Ong Wei Sin (left) sharing her exchange experience in Thailand to the audience as Dr Ahmad Lutfi Amri Ramli looks on.

Pengkomposan dapat membantu menyuburkan tanaman dan mengurangkan sisa organik yang domestik.

Right attitudes, skills important for youth

In order to correct youth attitudes, Tan Lay Seong delivered a talk Be a Maker to inspire youth to be actively strive for positive lifestyle. Tan conveyed positive messages into the minds of the Universiti Sains Malaysia (USM) undergraduates to follow his steps to become an outstanding person.

According to Tan, an increasing number of graduates face tougher selection process in the job market. Currently, the job market emphasize skilled labour instead of unskilled labour, which cause university graduates a difficulties in finding a job. Students nowadays are living inside their comfort zone enjoying first class facilities with ease while having their every need taken care of.

"Undergraduates should stand out from the rest. As an undergraduates, academic improvement, skill mastering and improving thinking ability are important skills for you to achieve your goals in the future life", said Tan.

Tan also added that there are already about tens of thousands of university graduates that are currently unemployed, creating a serious problem. Unfortunately, these graduates have become a liability to the country instead of moving our nation forward. This phenomenon reflects the seriousness of the inappropriate attitudes of our university graduates towards their work.

"I think what he said was right. I should have a proper mindset and a right attitude to build up my confidence levels for a great job in the future. Now I realise that besides academic improvement, skills are also an important criteria for a great job", said Leong Ei Ling, Physics 1.

"I will further my studies until PhD level. These days, it is too easy to obtain a degree from any university in the world. A degree is no longer as valuable as it was 20 years ago. A skilful degree holder will be of high demand in the job market compared to an unskilled undergraduate", said Pong Sheng Hua, Art 2.

Teater Bangsawan Putera Bayan Sakti pupuk kesenian

Melalui Geran Seni dan Budaya PETRONAS (Petroliam Nasional Berhad), Universiti Sains Malaysia(USM) meneruskan usaha melestarikan teater melalui Teater Bangsawan Putera Bayan Sakti.

Menurut Penasihat Produksi Teater Bangsawan Putera Bayan Sakti, Profesor Madya Mohamad Omar Bidin yang kini sebagai Dekan Pusat Pengajian Seni, USM, teater ini dapat memupuk rasa cinta dan hormat mereka terhadap khazanah budaya Malaysia yang unik dan kaya.

Teater Bangsawan Putera Bayan Sakti belangsung di Dewan Budaya USM selama dua hari iaitu 30 dan 31 Oktober 2015 dari jam 8.30 malam hingga 12 malam.

Menurut pengarah teater, Profesor Madya Dr Samat Salleh, Bangsawan Putera Bayan Sakti menghidangkan sebuah persembahan yang unik dan menarik dengan memasukkan unsur-unsur yang menimbulkan kesan-kesan khas kepada penonton dan elemen yang digunapakai dalam persembahan bangsawan sejak dulu lagi.

“Bukan itu sahaja, artis yang tampil pada malam ini adalah artis yang sudah dipilih hasil daripada temuduga khas berdasarkan bakat mereka yang tersendiri”, jelas Samat.



Penasihat Produksi , Pengarah Teater, Eksekutif Kanan Pelaburan Sosial PETRONAS serta Tenaga Produksi dan artis Teater Bangsawan Putera Bayan Sakti.

Samat menambah lagi, teater ini bukan sahaja dapat menghimpunkan bangsawan, ia turut dapat membuat sesuatu yang menarik perhatian penonton.

Menurut Eksekutif Kanan Pelaburan Sosial PETRONAS, Zahari Hamzah, “Bermula tahun 2012, PETRONAS meningkatkan lagi usahanya dengan memberi geran kepada kumpulan seni persembahan di Malaysia. Terdapat 27 kumpulan seni persembahan yang telah menerima geran PETRONAS dengan nilai keseluruhannya adalah RM4 juta dan Penang Opera USM adalah salah satu daripada kumpulan tersebut.

Tambah Zahari lagi, program ini bertujuan untuk memupuk, memelihara serta mempromosikan kelestarian seni persembahan berkenaan bangsawan. Penonton yang hadir pada malam itu yang terdiri daripada golongan muda dan pelbagai bangsa .

“Bagi saya persembahan pada malam ini berjaya kerana Dewan Budaya USM dipenuhi dengan penonton yang berkualiti dan persembahan teater mereka turut menghiburkan penonton yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Usaha ini perlu diteruskan oleh Penang Opera dan USM demi melestarikan kesenian serta untuk mencari pelapis baru dalam seni teater”, jelas Zahari lagi.

“Teater ini dapat mendekatkan diri saya kepada seni tradisional kerana bukan semua orang mengetahui tentang bangsawan secara mendalam”, jelas salah seorang pelakon Teater Bangsawan Putera Bayan Sakti , Hairi Safwan.

Hairi yang memegang watak sebagai Putera Singgora turut berharap agar PETRONAS terus memberi dana kepada kumpulan seni tanah air bagi mengembangkan seni bangsawan dan mengembalikan fenomena tradisional di Malaysia kerana ia ialah salah satu pendedahan yang bagus kepada masyarakat khusunya anak muda.

Antara tenaga produksi untuk teater bangsawan ini adalah Penulis Skrip Aina Nabila Ahmad, Penolong Pengarah Senibayan, Pengarah Muzik Azmeer, dab artis Wan Raja, Aida Othman, Hairi Anak Wayang serta ramai lagi. Persembahan bangsawan ini adalah kerjasama antara PETRONAS, Penang Opera, Pusat Pengajian Seni USM dan Dewan Budaya USM.

Taichi tingkatkan kualiti hidup

Oleh **NOOR FATIHAH ABDUL RASHID**

Senaman taichi atau dikenali sebagai meditasi bergerak ialah satu bentuk senaman yang telah dijadikan aktiviti tetap mingguan sejak beberapa tahun yang lalu di Pusat Sejahtera Universiti Sains Malaysia. Senaman ini dijalankan pada setiap hari Rabu dan Jumaat di perkarangan Pusat Sejahtera USM bemula jam 7.45 pagi sehingga 8.00 pagi.

Menurut Pengarah Pusat Sejahtera, Dr Normala Abdul Wahid, senaman taichi ialah senaman yang amat baik memandangkan ia adalah senaman yang tidak memerlukan masa yang panjang, dan hanya mengambil masa selama 15 minit. Di samping itu, Normala menambah bahawa senaman ini sangat baik untuk perjalanan darah, pergerakan sendi-sendi serta pernafasan dan oleh sebab itu, Pusat Sejahtera telah mengambil inisiatif untuk melakukan senaman ini sebanyak dua kali seminggu sebelum staf mula bekerja.

“Pergerakan taichi ialah pergerakan yang berfokus, pada setiap pergerakan dan senaman ini mampu meningkatkan daya tumpuan. Ia juga melibatkan fokus pada pernafasan. Pernafasan adalah penting kerana melalui pernafasan kita memerlukan oksigen yang mencukupi serta tidak terganggu untuk disalurkan ke setiap sendi”, jelas Normala.

“Selain itu, senaman taichi dapat meningkatkan kualiti hidup seseorang kerana dalam proses pernafasan yang berlaku, kita memberi peluang kepada paru-paru untuk mengembang dengan baik. Pergerakan taichi yang ringkas dan tidak terlalu berat serta sesuai dilakukan pada setiap peringkat umur ini mampu memberi kesan kepada sendi. Selalunya apabila seseorang itu bekerja di pejabat atau pekerjaan yang tidak memerlukan banyak pergerakan, sendi-sendi jarang digunakan dan pergerakan sendi yang digunakan mungkin hanya pergerakan yang sedikit dan tidak membantu otot untuk bergerakan dengan lebih baik”, kata Normala.

“Pergerakan sendi dan otot akan menguatkan individu yang melakukan taichi dan pengaliran darah berjalan dengan baik serta denyutan jantung menjadi semakin bagus sekaligus meningkatkan kualiti hidup seseorang”, tambah Normala.

Senaman taichi ini juga turut mendapat sambutan daripada pelbagai pihak di Pusat Sejahtera USM. Menurut Pegawai Perubatan Pusat Sejahtera USM, Dr Lee Phaik Hoon, senaman taichi senaman yang unik dan menarik kerana mampu memberi ketenangan kepada pengamalnya.

“Taichi sangat menarik kerana ia mampu memberi dan menjadikan seseorang itu seorang yang fokus dan berjaya. Hal ini adalah kerana setiap perkara yang dilakukan secara berfokus mampu membina kekuatan dalam diri untuk melawan perkara-perkara remeh yang tidak memberi manfaat. Taichi 18 gaya atau dikenali sebagai Taiji Qigong, adalah taichi yang diamalkan di Pusat Sejahtera”, jelas Lee.

Siswa-siswi hulur bakti dalam jelajah masjid

Kunjungan 46 orang siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) ke Masjid Jamek Hashim Yahaya dalam program Jelajah Masjid baru-baru ini memberikan pendedahan kepada mereka untuk menabur khidmat bakti kepada penduduk tempatan.

Dalam program yang berlangsung pada 31 Oktober 2015 lalu yang disertai oleh siswa-siswi USM dari Pusat Pengajian Sains Kajihayat. Program tersebut telah dirasmikan oleh pengerusi masjid, Abdul Razak Mansor. Program itu turut mendapat kerjasama daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Menurut pengarah projek, Asnida Razak, program Jelajah masjid bertujuan untuk mendekatkan diri siswa-siswi USM dengan masyarakat melalui aktiviti-aktiviti kebajikan seperti membersihkan dan menceriakan lanskap masjid agar lebih bersih dan teratur. Ia sebagai satu langkah pembinaan perwatakan bagi mendekatkan siswa-siswi USM dengan masjid sebagai pusat nadi penggerak masyarakat.

Asnida menjelaskan program jelajah masjid juga sebagai satu bentuk penghijrahan dan muhasabah diri bagi membentuk sahsiah diri yang kendiri dan penerapan nilai-nilai budaya serta jadi diri yang murni dalam kalangan siswa-siswi USM.

“Masjid Jamek Hashim Yahaya dipilih untuk program jelajah masjid kerana kami mendapat kerjasama dari mula proses membuat tinjauan masjid hingga tamat program. Pihak masjid dan penduduk kampung sangat menyokong dan mengalu-alukan kedatangan kami”, kata Asnida.

Antara pengisian dalam program tersebut ialah aktiviti memasak bubur lambuk dan bubur asyura oleh penduduk kampung dan siswa-siswi USM, membersihkan kawasan dalam dan luar masjid, membuat lanskap masjid dan mengedarkan bubur lambuk dan asyura ke rumah-rumah penduduk Kampung Dodol oleh siswa-siswi USM diiringi oleh jawatankuasa masjid.

Selain itu, program jelajah masjid turut melibatkan aktiviti cabuatan bertuah yang dianjurkan sendiri oleh masjid. Sebanyak 40 hadiah cabutan bertuah yang disediakan. Tidak ketinggalan, siswa-siswi USM turut mengadakan sukaneka dengan 30 orang kanak-kanak di kampung tersebut. Antara sukaneka yang diadakan ialah ping pong, tiup belon, gula-gula dalam tepung, belon berisi air dan membuat aiskrim.

Dalam program tersebut juga menyediakan rawatan resdung dan bekam kepada penduduk kampung yang dibawa khas oleh Bekam Sunnah dan Guruh Resdung Abu Karl Al-Balfasi Pulau Pinang dengan mengenakan bayaran sebanyak RM35 untuk resdung dan RM60 untuk bekam.

“Saya berterima kasih dengan siswa-siswi USM yang sudi membantu dalam menjayakan program masjid pada tahun ini, saya sangat mengalu-alukan penglibatan generasi muda dalam aktiviti kemasyarakatan agar generasi muda tidak hanya fokus kepada pembelajaran sahaja biarlah seimbang”, kata Razak Mansor.

Menurut peserta, Mohd Iftar Johwan, Sains Kajihayat 2, program tersebut bukan sahaja dapat mendekatkan diri siswa-siswi USM dengan masyarakat tetapi dalam masa yang sama dapat merasai pengalaman membuat dan mengedarkan bubur lambuk dan asyura dari rumah ke rumah.

Misi kemanusiaan di Kemboja

Oleh **NUR KHAIRINA KAMAL**



Zakiah (kanan) mengagihkan berus dan ubat gigi secara percuma kepada kanak-kanak di Kg. Chouk Kranyah, Kg. Tralach Ditrict, Kg. Chhnang Province. FOTO Zaidatul Akma Zainal Abidin

Seramai 17 siswa-siswi serta dua pegawai pengiring dari Universiti Sains Malaysia (USM), Kampus Kesihatan menggalas misi kemanusiaan di Kemboja yang juga merupakan hasil kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA) dengan Desasiswa Nurani dan Murni.

Program Cambodia: A Lifetime's Change, A Mission of Humanity, Health and Welfare dijalankan di Kg. Chouk Kranyah, Kg. Tralach Ditrict, Kg. Chhnang Province, sebuah perkampungan Islam di Kemboja pada 6 hingga 12 November.

Menurut Pengarah Projek, Noor Asyikin Mohd Noor, mereka turut membawa bekalan keperluan asas seperti pakaian dan makanan sebanyak 600kg dari Malaysia dan membeli bekalan beras di Kemboja untuk disalurkan kepada kampung tersebut.

"Kami juga mengadakan bengkel untuk mengajar kanak-kanak cara memberus gigi dan mencuci tangan yang betul untuk memberi pendedahan kepada penduduk di sana kepentingan menjaga kebersihan dalam kehidupan seharian," ujar Asyikin lagi.

Pelbagai aktiviti kebajikan disusun oleh kumpulan pelajar tersebut demi menyumbang kebajikan kepada penduduk kampung seperti pemberian set berus gigi dan selipar, mengadakan sesi mewarna bersama kanak-kanak dan pemberian alat tulis.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan mengeratkan hubungan antara mereka dan penduduk setempat. Sebelum pulang ke Malaysia, mereka membuat gotong-royong sekitar kawasan kampung dan mengadakan kenduri bersama-sama orang kampung.

Mohd Hafiz Roseli, Sains Perubatan 3, berkata pengalaman mengikuti program ini merupakan pengalaman yang berharga kerana telah mengajar diri beliau erti kesyukuran kerana Malaysia boleh dikatakan sebuah negara yang sentiasa dimurahkan rezeki dan tidak dibelenggu kemiskinan yang kritikal.

"Melalui pengalaman bergelar sebagai pelajar perubatan, kami juga membantu dari aspek kesihatan dengan memberi pendedahan terhadap penjagaan kebersihan dan kesihatan. Sebagai rakyat, kita seharusnya belajar daripada masyarakat Kemboja yang hidup dalam serba kekurangan agar tidak sewenangnya melakukan pembaziran," tambahnya lagi.

Cabar minda, intelek melalui pertandingan IQ

Kelab Catur USM telah menganjurkan pertandingan IQ kali-2 membabitkan 29 kumpulan yang membuka tirai persaingan antara satu sama kumpulan lain pada 2 November, lalu di Dewan Kuliah W, Universiti Sains Malaysia.

Terdapat 29 kumpulan yang terdiri daripada 4 siswa-siswi dalam satu kumpulan berpeluang menambah ilmu pengetahuan melalui penyertaan program tersebut. Pertandingan IQ dibahagikan kepada 3 peringkat sehingga salah satu kumpulan memperoleh markah tertinggi dalam pertandingan tersebut.

Menurut Pengarah Projek, Wai Cheong Chun, program tersebut bertujuan memberikan peluang kepada siswa-siswi memahami dan mempelajari proses menjawab soalan IQ. Program itu juga melahirkan siswa-siswi yang holistik dari aspek kebolehan untuk berfikir, penentuan keputusan yang tepat dan kemahiran berkomunikasi.

"Soalan IQ ini meliputi semua bidang dan memerlukan peserta befikir secara keseluruhan, peninjauan soalan dengan cermat serta mewujudkan satu platform kepada siswa-siswi menilaikan ilmu pengetahuan asas sendiri," ulas Wai.

Ahli Publisiti, Loh Qiao Zhi, berkata selain mata MyCSD untuk menarik siswa-siswi mengambil bahagian pertandingan itu, pasukan mereka juga dapat menentukan tarikh penganjuran program tersebut dalam minggu peperiksaan pertengahan semester ini dan menyediakan peluang bagi siswa-siswi melepaskan tekanan.

Presiden, Kelab Catur USM, Lim Eng Yik berkata perubahan kelab pada tahun ini berbanding dengan tahun lepas agak besar kerana terdapat pelbagai program bermanfaat yang akan dijalankan seperti pertandingan Monopoli dan Sudoku. Selain itu, bilangan ahli juga bertambah dan dapat melancarkan proses pelaksanaan program kelabnya.

Lim bertambah matlamat Kelab Catur ialah memberikan peluang kepada siswa-siswi menjalankan pelbagai aktiviti yang praktikal dan meningkatkan kemampuan memimpin, potensi peninjauan dan kredibiliti ahli-ahli yang terlibat melalui perancangan program.

Membudayakan keusahawanan dalam diri siswa-siswi USM



Siswa-siswi USM Kampus Kesihatan mendengar taklimat yang disampaikan berkenaan pembudayaan keusahawanan di Pusat Mahasiswa Kampus Kesihatan.

Seminar Pembudayaan Keusahawanan yang diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kesihatan memberi pendedahan kepada siswa-siswi tahun pertama berkenaan bidang keusahawanan. Seminar tersebut dianjurkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA) Kampus Kesihatan dengan kerjasama Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar (PPKSP) Kampus Induk bertempat di Pusat Mahasiswa.

Menurut Ketua Penolong Pendaftar BHEPA, Hafiz Assad Zakaria, seminar berfokuskan kepada pembudayaan keusahawaan dalam diri siswa-siswi USM Kampus Kesihatan.

"BHEPA mahu terapkan kemahiran keusahawanan dalam diri siswa-siswi agar setiap daripada mereka dapat menggunakan kemahiran ini selepas mereka bergraduasi mahupun semasa mereka belajar. BHEPA banyak menyediakan kemudahan untuk siswa-siswi menjalankan perniagaan dan universiti juga menyediakan pinjaman dibawah Akaun Niaga Siswa dengan jumlah maksimun RM5,000 mengikut kepada pemohonan yang dibuat", kata Hafiz.

Menurut penyelaras program, Khairul Syahmi, BHEPA mahu mendedahkan siswa-siswi tahun pertama berkenaan pelan BHEPA untuk membantu siswa-siswi dalam bidang keusahawanan di universiti.

"Objektif utama bukannya kita mahu melahirkan usahawan tetapi kita mahu pastikan semua siswa-siswi mempunyai kemahiran dalam bidang keusahawanan melalui pelbagai program yang di sediakan oleh BHEPA", kata Khairul.

"Program yang kita jalankan ini selaras dengan lonjakan pertama dalam Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia", tambah Khairul.

Program tersebut dihadiri 250 siswa-siswi USM dan ia akan terus dijalankan bagi menerap budaya keusahawanan dalam diri siswa-siswi USM.

Kem Gens terap gaya hidup Islam



Barisan peserta dan ahli jawatankuasa Kem Gens berkumpul di akhir program bagi sesi bergambar di Kem Al-Hidayah, Yan, Kedah.

Kem Generasi Syumul (Kem Gens) anjuran Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Sains Malaysia (PMIUSM) bertujuan terapkan gaya hidup Islam melalui kisah-kisah sahabat dan Rasulullah SAW sebagai model utama.

Kem Gens yang berlangsung selama 2 hari bermula dari 31 Oktober hingga 1 November itu dianjurkan di Kem Al-Hidayah,Yan, Kedah.

"Harapan PMIUSM adalah untuk memberi kefahaman kepada peserta tentang gaya hidup Islam yang sebenar dengan meletakkan tarbiyah sebagai tunjang untuk kuatkan hidup seorang mukmin", kata Pengarah Projek, Muhammad Tarmizi Che Hassan

Tambahnya lagi, Kem Gens itu melibatkan sekurang-kurangnya 40 orang peserta dan 20 orang ahli jawatankuasa pengelola.

Peserta Kem Gens, Hariz Hamizan Zulkifli, Sains Kajihayat 1 berkata, perkara yang dipelajari dari Kem Gens itu ialah seperti ilmu tentang akidah, kecintaan terhadap Rasulullah, dan isu semasa.

"Setiap aktiviti yang dilakukan akan disertakan slot pengajaran di akhir aktiviti. Ini bermakna peserta bukan sekadar bermain, tetapi juga menambah ilmu dan kesedaran terhadap setiap perkara yang dilakukan dalam kehidupan", jelas Hariz.

Tambahnya lagi, program berunsur islamik perlu diteruskan bagi mewujudkan suasana yang lebih baik di kampus USM khususnya kepada siswa-siswi dan staf USM.

Salah seorang peserta lagi, Muhammad Izzudin Azman, Sains Farmasi 1 berkata, Kem Gens menyediakan platform kepada peserta untuk mempamerkan bakat kepimpinan melalui modul yang disediakan.

"Walaupun Kem Gens ini mengambil masa yang singkat, namun ia amat berbaloi dengan aktivitinya yang bermanfaat seperti mewajibkan solat berjemaah, qiyamullail dan juga makan secara berjemaah", katanya lagi.

Ujar Izzudin lagi, PMIUSM perlu anjur lebih banyak program berunsur Islam supaya dapat beri kefahaman agama kepada siswa-siswi USM.

Handful of students remain in campus during break

Most Universiti Sains Malaysia (USM) students have headed back to their respective hometown during the one week mid-semester break from November 9 till November 15. However, there are a handful who chose to remain in the campus.

One of them is Ian Khor Ewe Lee, Humanities 3, who did not see the point of going back to his hometown in Sarawak given the very brief semester break.

"I can't afford to pay for the flight ticket which is really expensive only to come back here after only spending less than a week back home", he added.

Koay Shin Win, Social Science 2, also decided not to return to her home in Penang as it was more convenient to travel to her workplace in Queensbay from the campus for her part time job.

"I'll be out working most of the time so being at home or in campus will not make much of a difference. Plus, I will be going on a short vacation with my course mates soon so technically, I won't be in the campus for the entire week", she said.

While spending the week away from home can be lonely, Adriel Sison Churchill, Languages, Literacies and Translation 3, decided to embrace the semester break in a more positive light.

"It's nice to have some relaxing alone time during the break. Plus, the WiFi speed now is really fast which helps a lot when completing the remaining of my assignments", he said.

Kampus Sejahtera pertingkat aktiviti riadah

Oleh **NOOR FATIHAH ABDUL RASHID**

Sekretariat Kampus Sejahtera (SKS) Universiti Sains Malaysia (USM) bukan hanya menitikberatkan program kelestarian, tetapi turut mengadakan program riadah. Cuaca yang tidak menentu tidak menghalang SKS mengadakan aktiviti riadah dan antara aktiviti yang sempat dijalankan ialah senaman Taichi dan senamrobik bertempat di perkarangan Dewan Pembangunan Siswa.

Pegawai Penyelidik Sosial SKS Abdul Syafiq Ramlan menyifatkan bahawa aktiviti riadah yang dianjurkan mendapat sambutan baik dalam kalangan siswa-siswi untuk merehatkan minda serta menambah kenalan dari pusat pengajian yang berlainan.

"Kampus Sejahtera akan sentiasa komited untuk membuat atau menganjurkan aktiviti riadah. Kelestarian akan terhasil apabila seseorang siswa-siswi itu mula meminati aktiviti berkonsepkan diluar bilik kuliah", kata Syafiq.

Menurut pengarah projek bagi aktiviti senamrobik, Nur Farahin Abdul Razak program riadah secara santai ini diadakan adalah untuk menyedarkan siswa-siswi akan kepentingan menjalankan aktiviti riadah serta kepentingan mengamalkan gaya hidup yang sihat

"SKS memilih aktiviti riadah ini adalah untuk memupuk semangat kesukanan dalam diri serta mengamalkan gaya hidup yang betul dan sempurna. Ramai siswa-siswi USM menggunakan kenderaan bermotor ke kelas dan ini mengurangkan proses perkumuhan serta mudah mendapat penyakit", jelas Farahin.

"Saya menyarankan agar siswa-siswi USM lebih kerap untuk menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh SKS. Banyak manfaat dapat diperolehi disamping meluaskan pengetahuan berkaitan kelestarian. Selain itu, program riadah sebegini bukan sahaja meningkatkan kualiti dari segi ilmu malah dapat menjadikan seseorang itu cakna akan gaya hidup yang sihat walaupun sudah tamat belajar", tambah Farahin.

Menurut pelajar pusat pengajian Sains Kimia shazlina hassan, beliau yang meminati kelestarian dan kesukanan sangat menyokong segala program yang diadakan oleh SKS.

"Saya berharap agar SKS dapat mengadakan pelbagai program yang berkonsepkan kelestarian dan kesukanan supaya dapat melatih siswa-siswi menjadi manusia yang sempurna rohani dan jasmani", tegas Shazlina.

Siswa-siswi ejen perubahan keselamatan kepada masyarakat

Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya Pulau Pinang, Encik Mohd Husni Mahmud menyeru siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) menjadi ejen perubahan keselamatan kepada masyarakat. Hal ini selaras dengan usaha kerajaan iaitu Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) untuk mendidik masyarakat supaya lebih berhemah di jalan raya.

"Didikan sejak di usia yang masih muda akan membantu mengurangkan kadar kemalangan jalan raya", katanya.

Beliau berkata lagi, statistik menunjukkan 70 peratus kematian di jalan raya di negara ini membabitkan remaja iaitu berumur di antara 11 hingga 40 tahun. Hal ini amat membimbangkan kerana satu nyawa yang terkorban semasa kemalangan bernilai RM1.4 juta iaitu merangkumi kos kerosakan kenderaan, kos membaik pulih kemudahan jalan raya dan kos perubatan yang ditanggung oleh kerajaan dan lain-lain lagi.

"JKJR menjadikan siswa-siswi sebagai sasaran dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat. Saya berharap siswa-siswi yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas tentang keselamatan dapat menyampaikan ilmu tersebut kepada masyarakat setempat", katanya lagi.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan program pelancaran Jom Dapatkan Lesen anjuran Sekretariat Keselamatan Jalan Raya (SKJR) pada 29 Oktober 2015 di Dewan Pembangunan Siswa II, Kompleks Cahaya USM.

Turut hadir dalam Mahmud, Majlis Pelancaran tersebut ialah Pengerusi Pusat Latihan Memandu Mutiara, Puan Hayati Hamid, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Mohd Fahmi Mohd Fadli, Pengerusi SKJR, Hassan Azhar Mohd Noh dan Ahmad Rasul Habiron selaku Duta Keselamatan Jalan Raya USM.

Menurut Yang Dipertua MPP USM, Mohd Fahmi Mohd Fadli, program yang dianjurkan oleh SKJR ini sangat berguna dan ia adalah satu program yang murni kerana mampu memupuk kesedaran dalam kalangan siswa-siswi untuk lebih cakna terhadap isu keselamatan serta siswa-siswi mampu menjadi ejen dalam menyampaikan kempen-kempen berkaitan keselamatan di dalam dan luar kampus.

"Saya berharap SKJR terus menerus dan tidak jemu untuk mengadakan program yang menggalakkan penglibatan siswa-siswi dalam isu keselamatan dan saya di pihak MPP cuba bekerjasama dengan SKJR dalam mencakna isu ini kerana saya melihat isu keselamatan ini adalah isu yang besar dan perlu ditekankan terhadap siswa-siswi", katanya.

"Pelaksanaan program ini diharapkan mampu melahirkan modal insan yang prihatin terhadap keselamatan di jalan raya dan lebih patuh akan undang-undang jalan raya terutamanya dalam kawasan kampus. Hasil pemerhatian yang dilakukan, masih ada segelintir siswa-siswi yang menunggang dan membonceng motosikal tanpa memakai helmet, memandu kenderaan tanpa stiker dan yang lebih teruk memandu tanpa cukai jalan", katanya lagi.

Duta Keselamatan Jalan Raya, Ahmad Rasul Habiron merasakan pelaksanaan program seumpama ini mampu memberi suntikan kesedaran dalam diri siswa-siswi.

"SKJR bukan sahaja menekankan aspek keselamatan jalan raya sahaja tapi juga menekankan aspek keselamatan dalam diri siswa-siswi itu sendiri", katanya lagi.

Pengarah projek, Mohd Azmin Shahrudin menyatakan, selain dapat memberi ilmu pengetahuan kepada warga USM berkaitan aspek keselamatan jalan raya program ini juga dapat membantu siswa-siswi yang mempunyai kekangan masa dan masalah pengangkutan untuk mendapatkan lesen memandu.

"Alhamdulilah, Program Jom Dapatkan Lesen mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan saya amat berterima kasih kepada Pusat Memandu Mutiara kerana sudi bekerjasama dengan menyediakan kemudahan pengangkutan kepada siswa-siswi untuk mendapatkan lesen", katanya.

ISU SEMASA

Oleh **MOHAMED AFIQ AMANI MOHAMED NAHDIRSHA, IAN LEONDY, LEE KAM FEI, NUR EMIRA SAIZALI, ROSAMIRA AHMAD RAZALI** dan **ALIANA HAMIMI AMRAN**

Bil	Tempat	Tarikh	Jumlah korban
1.	Tanah runtuh Highland Towers, Ulu Klang, Selangor	11 Disember 1993	48 maut
2.	Tanah runtuh Genting Highlands berhampiran Lebuhraya Karak	30 Jun 1995	20 maut
3.	Tanah runtuh Lebuhraya Utara-Selatan, Gua Tempurung	6 Januari 1996	1 maut
4.	Tanah runtuh dan banjir lumpur di penempatan orang asli Kampar, Perak	29 Ogos 1996	44 maut
5.	Tanah runtuh Kampung Baru Cina, Sarawak	26 Disember 2007	9 rumah musnah
6.	Tanah runtuh Bukit Ceylon, Kuala Lumpur	12 Febuari 2009	1 maut
7.	Tanah runtuh Hulu Langat, Selangor	1 Mei 2011	25 maut

Jadual 1 Kejadian tanah runtuh yang meragut nyawa dan mengorbankan harta benda

Pembangunan lereng bukit perlu solusi segera

Pada 11 November lalu, Malaysia sekali lagi dikejutkan dengan kejadian tanah runtuh yang berlaku di KM 52.4 Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak berhampiran kawasan Lentang-Bukit Tinggi.

Ia dipercayai berpunca daripada kegiatan pembalakan yang tidak terkawal di kawasan Hutan Lipur Lentang. Hal ini sekali lagi membuktikan bahawa Malaysia berdepan dengan krisis pembangunan yang keterlaluan sehingga mengancam alam semula jadi.

Di Malaysia, hampir 35–40 peratus pembangunan yang dilaksanakan di kawasan lereng-lereng bukit memerlukan bukit tersebut ditarah dan diratakan untuk memberi laluan kepada proses pembangunan. Ianya sudah pasti untuk memenuhi tuntutan semasa manusia yang terlalu gemar mengejar kemodenan termasuklah pembangunan yang bersifat komersial seperti pembinaan tempat percutian, prasarana awam dan juga projek persendirian.

Kekurangan tanah terutamanya di kawasan bandar juga adalah antara punca lereng bukit ditarah untuk pembangunan. Namun begitu, setiap pembangunan yang berlaku di lereng bukit pasti membawa kesan tertentu yang nilainya tidak dapat diukur dengan wang ringgit. Perdebatan demi perdebatan diadakan untuk merungkai permasalahan yang berlaku namun malangnya sehingga hari ini masih tidak ada sebarang solusi yang mampu menyelesaikannya.

IMPAK YANG TIDAK BERKESUDAHAN

Impak utama pembangunan dilereng bukit yang tidak dapat dipertikaikan adalah hakisan tanah yang membawa kepada kejadian tanah runtuh. Di Malaysia, iklim khatulistiwa yang lembap mampu menyumbang kepada masalah hakisan tanah yang pesat. Hal ini kerana iklim khatulistiwa mempunyai ciri-ciri seperti perbezaan suhu, angin dan mempunyai hujan lebat yang turun sepanjang tahun.

Hujan yang kerap ini akan meningkatkan kadar hakisan tanah dengan cepat pada kawasan tadahan yang terdedah iaitu cerun-cerun yang sudah digondol untuk proses pembangunan. Bukan itu sahaja, sekiranya hakisan ini berlarutan maka kejadian tanah runtuh akan berlaku. Bahkan, ia akan menjadi lebih teruk apabila terdapatnya pembangunan yang telah siap di kawasan yang berisiko terjadinya tanah runtuh.

Selain itu, pembangunan di lereng bukit turut akan memusnahkan kepelbagaian biodiversiti. Kita sedia maklum bahawa kawasan tanah tinggi dan lereng bukit antara kawasan yang kaya dengan biodiversiti. Namun, ianya makin terancam apabila bidang eko-pelancongan berkembang dengan pesatnya. Sebagai contoh, Cameron Highlands telah mengalami perubahan akibat arus pembangunan. Kehijauan alam semula jadi dan kepelbagaian biodiversiti yang menjadi tarikan utama pelancong semakin berkurang akibat penebangan dan pembukaan tanah untuk tujuan pembangunan.

Menurut Pejabat Tanah Cameron Highlands (2002), pada tahun 1993 terdapat sebanyak 77.5% kawasan hutan dan ianya terus berkurang kepada 54.2% pada tahun 2002. Ia dijangka akan mengalami pengurangan sekiranya pemaju terus menaik taraf kawasan ini mengikut kehendak semasa. Hal ini membuktikan pembangunan pesat di lereng bukit mampu memusnahkan biodiversiti.

Secara tidak langsung, penebangan hutan bagi tujuan pembangunan di lereng bukit ini boleh menyebabkan perubahan iklim. Di negara beriklim tropika seperti Malaysia, perubahan yang berlaku pada hutan perlu diberi perhatian serius dalam konteks perubahan iklim dunia masa kini. Ia dianggap sebagai komponen penting dalam mekanisme perubahan iklim dunia kerana menjadi penyumbang utama kepada gas oksigen dan karbon dioksida (CO_2).

Mengambil contoh yang sama, terdapat kajian yang menunjukkan perubahan iklim di Cameron Highlands adalah berpunca daripada kehilangan kawasan semula jadi dan kawasan tadahan air. Pembangunan pesat yang menggantikan alam semula jadi dengan jalan raya berturap, bangunan dan bahan yang menyerap haba telah meningkatkan suhu. Pelancong dan penduduk di sekitarnya pula mulai sedar akan perubahan iklim di Cameron Highlands ketika ini.

Masyarakat juga tidak terkecuali menerima kesan daripada pembangunan di lereng bukit ini. Ancaman tanah runtuh dan aliran lumpur telah membawa bahaya dan risiko tinggi kepada penduduk yang tinggal di kawasan berkenaan. Beberapa kejadian tanah runtuh yang berlaku telah membawa implikasi meragut ratusan nyawa. (**Rujuk Jadual 1)**

Penceroboh tanah warisan dan kawasan hutan yang mana menjadi sumber pendapatan turut memberi kesan kepada masyarakat khususnya masyarakat orang asli. Contohnya, Empangan Temenggor di kompleks hutan Belum-Temenggor di Perak Utara telah menyebabkan puak Jahai dan Temiar hilang tempat kediaman mereka.

Bukan itu sahaja, walaupun mereka telah diberikan penempatan alternatif yang lebih tersusun namun kebanyakan daripada mereka sukar mendapat pekerjaan disebabkan kurangnya kemahiran. Sebagai contoh, pada 29 Ogos 1996, tanah runtuh dan aliran lumpur telah berlaku di sekitar petempatan orang asli iaitu Pos Dipang di Kampar, Perak. Selepas kejadian tersebut, kerajaan telah mengarahkan orang asli yang terlibat untuk berpindah ke kawasan penempatan yang lebih selamat.

Selain itu, masyarakat berhadapan dengan masalah sumber air yang bersih. Apabila tanah tinggi yang berfungsi sebagai kawasan tadahan air dimusnahkan akibat penebangan hutan untuk pelbagai tujuan maka berlaku pencemaran sumber air apabila air tersebut berubah warna kepada kuning dan coklat. Sebagai contoh, kemusnahan tadahan air hutan rizab Ulu Muda di Kedah. Akibatnya, masyarakat terpaksa berhadapan dengan sumber air kotor yang boleh menjejaskan kesihatan penduduk di kawasan berkenaan.

PEMANTAPAN PENGUATKUASAAN SISTEM PERUNDANGAN

Dalam mengekang pembangunan di lereng bukit, persoalan perundangan wajar diteliti dan dikaji terlebih dahulu. Selepas tragedi yang menimpa Highlands Towers sekitar 1996, kementerian berkenaan telah menggubal kembali akta dan undang-undang yang dilihat longgar seperti Akta Perancangan Bandar dan Desa (1976), Akta Pemuliharaan Tanah (1960), Akta Kualiti Alam Sekeliling (1974)(Pindaan 2012), Akta Perlindungan Hidupan Liar (1974) (Pindaan 1988) serta Akta Jalan, Parit dan Bangunan (1974).

Akta Perancangan Bandar dan Desa (1976) telah dipinda pada tahun 1995 bagi menangani kelemahan yang wujud disebabkan pembangunan yang mengabaikan arahan dalam pemeliharaan dan pemuliharaan pokok. Segala peruntukan dalam arahan pemeliharaan dan pemuliharaan pokok terkandung di Bahagian VA bermula Seksyen 35A hingga 35H Akta 172.

Selain itu, Akta Pemuliharaan Tanah (1960) dikuatkuasakan di semua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali negeri Sabah dan Sarawak. Peruntukan dalam akta ini memperlihatkan pengisytiharan larangan penggunaan tanah bukit untuk sebarang tujuan. Selain itu, Pentadbir Tanah berhak mengambil tindakan terhadap mereka yang telah menyebabkan kerosakan terhadap tanah. Peruntukan ini terkandung di dalam Bahagian II dan Bahagian III akta ini.

Akta Kualiti Alam Sekeliling (1974) pula telah dipinda pada 2012 yang mengandungi 22 Fasal dan antara pindaan adalah membabitkan subseksyen 51(1) Akta 127 dengan memasukkan perenggan baru yang memberikan kuasa kepada menteri untuk menggubal peraturan berhubung penilaian kesan kepada alam sekeliling. Tambahan lagi, kuasa turut diberikan kepada Ketua Pengarah untuk mengeluarkan arahan larangan menjalankan sebarang aktiviti yang boleh merosakkan alam.

Di samping itu, Akta Perlindungan Hidupan Liar (1974) telah dipinda pada 1988 yang bertujuan untuk mengatasi segala masalah yang timbul. Jumlah denda telah ditingkatkan, termasuk hukuman penjara mandatori tidak melebihi 10 tahun. Selain itu, penggubalan akta ini adalah bagi memastikan populasi hidupan liar tidak pupus ekoran penerokaan hutan. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara diberikan kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang.

Seterusnya, Akta Jalan, Parit dan Bangunan (1974) merupakan akta yang melibatkan 135 subseksyen di dalamnya. Seksyen 70(13) umpamanya meletakkan kesalahan membina sesuatu bangunan tanpa kebenaran boleh didenda sebanyak RM10,000 atau boleh ditambah denda sebanyak RM50,000 bagi setiap hari kesalahan itu dilakukan.

Dalam hubungan ini, bagi mengelakkan pembangunan di lereng bukit terus membawa impak negatif beberapa solusi boleh diteliti iaitu garis panduan, undang-undang dan akta yang sedia ada wajar dipatuhi dan perlu ada penguatkuasaan yang lebih tegas. Garis Panduan Pembangunan Tanah Tinggi (2005) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Bukit (1977) Jabatan Kerajaan Tempatan, Garis Panduan Penyelenggaraan di Cerun Semenanjung Malaysia (2006) Jabatan Kerja Raya Malaysia, Garis Panduan Rekabentuk Cerun (2009) Jabatan Kerja Raya Malaysia ialah antara prosedur yang disediakan dan wajar dipatuhi oleh pemaju. Satu mekanisme perlu diwujudkan bagi mengukur tahap pematuhan terhadap setiap garis panduan yang ditetapkan.

Sebuah badan khas yang bertanggungjawab menilai setiap projek pembangunan perlu ditubuhkan dengan menyatukan tenaga pakar dalam bidang alam sekitar dan geografi. Badan khas ini bertanggungjawab memberi nasihat dan membuat penilaian dari semasa ke semasa terhadap sebarang projek pembangunan di lereng bukit yang akan dilaksanakan.

Hal ini membantu meringankan tugas pihak berkuasa tempatan yang berkemungkinan tidak arif dalam bidang tersebut seterusnya sama-sama mengembleng tenaga mengatasi segala masalah yang berlaku.

Pemaju yang didapati melanggar mana-mana garis panduan yang ditetapkan sepanjang projek pembinaan berlangsung hendaklah ditarik kembali lesen yang diberikan dalam tempoh tertentu seterusnya bertanggungjawab terhadap pembangunan yang didirikan dengan membayar kembali ganti rugi kepada pembeli dan melunaskan denda terhadap kerajaan. Hal ini secara tidak langsung melindungi hak pembeli selain mengelakkan masalah yang lebih buruk berlaku.

Kesimpulannya, pembangunan di lereng bukit ini boleh diatasi sekiranya kerajaan meneliti dan mengkaji kembali penguatkuasaan undang-undang. Penambahbaikan perlu dilaksanakan bukan sekadar di atas kertas sebaliknya mengerah tenaga manusia bagi menguatkuasakannya. Tanpa penguatkuasaan yang tegas, Malaysia akan menyaksikan beberapa tragedi yang mungkin akan mengorbankan lebih banyak nyawa pada masa akan datang.

Rujukan

1. Artikel Kaji Semula Projek Pembangunan di Tanah Bukit, Harakah Daily (13 November 2015).
2. Berita Harian (2002), Abaikan Ketahanan Struktur Tanah Punca Tanah Runtuh.
3. Chan Ngai Weng, Asyirah Abdul Rahim, Narimah Samat & Jamaluddin Md Jahi (2004) Masalah Pembangunan Tanah Tinggi Dan Pengurusannya di Malaysia. Seminar Serantau Ke-2 Pengurusan Persekitaran Di Alam Melayu. Universiti Sains Malaysia.
4. Herawati Ahmad et al (2012), Penilaian Impak Alam Sekeliling dan Pembangunan Perumahan di Lereng Bukit.
5. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (1996), Rancangan Struktur Cameron Highlands dan Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan Cameron Highlands 1995-2020.
6. Mohamad Suhaily Yusri et al (2003), Impak Pembangunan Terhadap Alam Sekitar di Cameron Highlands.
7. Portal Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (2010), Akta Pemuliharaan Tanah.
8. Undang-undang Malaysia Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
9. Undang-undang Malaysia Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
10. Undang-undang Malaysia Akta Kualiti Alam Sekeliling Pindaan 2012. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
11. Undang-undang Malaysia Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
12. Weng Chan (2014), Masalah Pembangunan Tanah Tinggi dan Pengurusannya di Malaysia.

Stadium Hoki USM bakal ikut spesifikasi FIH

Stadium Hoki Universiti Sains Malaysia (USM) akan mendapat nafas baru menerusi projek menaik taraf prasarana kemudahan sukan yang membabitkan kerja-kerja menaik taraf astrotuf hoki mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Persekutuan Hoki Antarabangsa (FIH) yang dijangka siap pada Januari 2016.

Menurut kontraktor yang terlibat, Zainal Haji Abidin dari Sayrikat Carta Pertama, kerja-kerja menaik taraf astrotuf hoki ini melibatkan penukaran lapisan yang dipanggil Sintetik Black Rubber Layer (SBR Layer) dan juga karpet berwarna yang akan membezakan padang hoki dengan kawasan luar kawasan padang.

Menurut Pengarah Jabatan Pembangunan, Tuan Haji Aziz Jusoh, Stadium Hoki USM perlu dinaik taraf bagi menjamin mutu dalam permainan hoki USM.

"Astrotuf hoki sebelum ini agak keras dan sistem pam padang ini juga perlu diberi keutamaan di mana ia merupakan salah satu faktor utama dalam memastikan mutu padang mengikut spesifikasi FIH", tambah beliau.

"Mengikut dari usia astrotuf hoki ini yang sudah lama semenjak dinaik taraf pada tahun 2004 dahulu, ia merupakan keperluan kepada sukan hoki itu sendiri kerana kita tidak boleh menjalankan sebarang pertandingan, dan padang ini hanya digunakan untuk latihan atas faktor-faktor keselamatan pemain", kata Pegawai Belia dan Sukan, Nasrullah Mohamed Farouk.

"Ini ialah satu usaha Pusat Sukan & Rekreasi USM dalam menaik taraf fasiliti Stadium Hoki USM agar dapat dimanfaatkan semua pihak termasuk siswa-siswi dalam pembangunan sukan berkenaan selain merancang untuk menganjurkan pertandingan seperti menjemput universiti-universiti seluruh Asia dalam pertandingan-pertandingan hoki USM pada masa hadapan", tambah Nasrullah lagi.

Proses akhir naik taraf astrotuf hoki USM ini akan dipantau oleh agen bebas yang dilantik oleh FIH untuk memastikan mutu padang hoki ini. Pesta Hoki yang akan berlangsung pada 10 hingga 13 Disember ini tidak melibatkan penggunaan Stadium Hoki USM oleh kerana kerja menaik taraf astrotuf hoki ini.

Galakkan gaya hidup sihat dalam kalangan siswa-siswi

Program anjuran Persatuan Sains Farmasi (PSF), Long Dash Run and Aerobic Dance menggalakkan siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat melalui senaman seperti berlari dan senaman aerobik yang menjadi amalan zaman ini.

Menurut Pengarah Projek, Cathrine Wong, program itu bertujuan menggalakkan gaya hidup yang sihat melalui senaman di Kampus Induk USM.

"Senaman aerobik amat digemari oleh siswa-siswi. Perpeluhan semasa bersenam aerobik dapat mengeluarkan toksin dari badan kita dan membantu dalam pengurangan tekanan akademik dan tekanan lain dalam kehidupan seharian. Selain itu, senaman ini juga dapat membina daya tahan badan kita", kata Cathrine.

Program itu yang dimulakan dengan senaman aerobik yang diketuai oleh pengajar aerobik, Khoo Jin Sheng telah menarik seramai 100 peserta untuk bersenam bersama-sama. Senaman selama 30 minit itu bertujuan membantu peserta untuk memanaskan badan bagi menghadapi cabaran larian sebanyak 3km di sekitar kampus.

Tambah Cathrine lagi, program itu dianjurkan sempena Karnival Sukan Farmasi dan merupakan kali pertama program PSF terbuka kepada semua siswa-siswi USM.

"Pada kebiasaannya, program anjuran PSF hanya melibatkan siswa-siswi Pusat Pengajian Sains Farmasi sahaja. Dengan inisiatif ini, kami berpeluang untuk bergaul dengan siswa-siswi dari pusat pengajian lain dengan menganjurkan program yang melibatkan semua siswa-siswi USM", kata Cathrine.

Aktiviti larian dan senaman aerobik tersebut berlangsung pada 31 Oktober, dari 8 pagi hingga 12 petang. Aktiviti itu akan diadakan sekali lagi pada 5 Disember untuk menggantikan aktiviti kali kedua yang dibatalkan pada 24 Oktober atas sebab jerebu.

'Stay Fit and Spread Goodness' beri kesedaran tentang bahaya rokok



Erawadee cuba untuk mengeluarkan bola ping pong dari kotak.

MySihat telah mengadakan program 'Tobacco Free' dengan tema 'Stay Fit and Spread Goodness' dengan tujuan untuk memberi kesedaran kepada warga USM tentang bahaya merokok.

Menurut Pengarah Projek, Nur Hidayu Mustakim, beliau mendapat idea untuk mengadakan program tersebut semasa beliau menghadiri bengkel inisiatif bebas tembakau anjuran MySihat.

"Terdapat pelbagai aktiviti yang diadakan untuk meningkatkan kesedaran tidak merokok dalam kalangan masyarakat. Aktiviti yang dijalankan adalah melukis poster, kuiz-kuiz berkaitan tembakau dan juga video wawancara dengan orang awam untuk mendapatkan pendangan mereka tentang merokok", kata Hidayu.

Tambah Hidayu lagi, program tersebut mempunyai objektif yang lebih menyeluruh kerana poster dan video yang bersifat lebih umum. Poster yang dihasilkan akan digantung di sekitar USM dan juga di setiap perhentian bas manakala video yang dihasilkan pula akan ditayangkan di dalam bas.

Menurut Hidayu, aktiviti eksploras dan ceramah tentang bahaya merokok sudah diadakan. Perokok perlu mempunyai kesedaran diri sendiri. Walaupun pelbagai jenis program diadakan, namun sekiranya tiada kesedaran, maka segala usaha yang dilaksanakan adalah sia-sia sahaja.

"Saya berasa program yang diadakan ini sangat menarik. Walaupun penat dengan aktiviti eksploras ini, tetapi saya mendapat banyak maklumat melalui program ini. Permainan yang diadakan mempunyai maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tembakau", kata Erawadee Choo Boon Tin, Ilmu Pendidikan 3.

Sokongan untuk kemudahan pengangkutan PKU

Pameran kelestarian yang diadakan dari 2 hingga 6 November menjadi platform kepada siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) untuk mengetengahkan idea dan produk mereka bagi menyahut semangat kelestarian. Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan penglibatan siswa-siswi dalam mengukuhkan potensi ke arah kampus lestari.

Green 101 adalah antara kumpulan yang terlibat dalam aktiviti tersebut dan mengutarakan cadangan serta sokongan untuk menyediakan kemudahan pengangkutan bagi pelajar kurang upaya (PKU) bagi memudahkan pergerakan untuk ke kuliah setiap hari.

Menurut Ketua Projek, Muhd Suhaib Shapiee, perbincangan telah diadakan bersama ahli kumpulan untuk meninjau dan memberi cadangan kemudahan pengangkutan untuk PKU.

"Objektif kami adalah untuk menyediakan kemudahan pengangkutan dalam kawasan kampus USM terutamanya untuk siswa-siswi kurang upaya," katanya.

"Sambutan semasa pameran tersebut juga amat menggalakkan. Kami turut menyediakan ruangan tandatangan untuk mendapatkan sokongan siswa-siswi dalam usaha untuk menyediakan kemudahan pengangkutan bagi PKU.

Segalanya berjalan dengan lancar dan kami berharap supaya ianya sedikit sebanyak dapat membantu golongan PKU khususnya di USM," tambahnya lagi.

BERSEMANGAT.... Ravin Raj Manoharan dari SMK St. John, Kuala Lumpur bertanding dengan Raguvaran Ganesan dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal pada peringkat akhir kategori Kumite semasa USM Budokan Championship 2015 di Kompleks Belia dan Sukan Pulau Pinang pada 1 November yang lepas.

Karate asah bakat siswa-siswi USM

Oleh **MOHAMAD YUSOF HELMY RAMLI**

Kelab Karate Universiti Sains Malaysia (USM) telah menganjurkan USM Budokan Karate Championship 2015 bagi meningkatkan kemahiran peserta agar mereka dapat menimba pengalaman baru untuk digunakan pada MASUM dan SUKIP 2016.

Menurut Presiden Karate Budokan Pulau Pinang, Shihan David Chua, pertandingan ini diadakan bagi mencari bakat baru yang akan mewakili Negeri Pulau Pinang ke tahap kebangsaan.

Terdapat dua jenis jenis kategori utama dalam pertandingan tersebut iaitu 'kata' dan 'Kumite'. 'Kata' merupakan persembahan yang melibatkan teknik, kualiti dan kepantasan pergerakkan dan 'Kumite' ialah pertarungan antara dua perserta.

Menurut pengarah program, Mahmoud M.M Atteyat, dua kategori ini disertai oleh peserta seawal umur 7 tahun hingga 23 tahun dan peserta yang menyertai pertandingan ini terdiri daripada siswa – siswi USM dan juga pelajar di bawah Kelab Seni Karate Budokan.

"Saya berharap agar peserta yang memasuki pertandingan ini mendapat pengalaman baru dan tidak berputus asa kerana di dalam karate kita mempunyai prinsip 'menang atau belajar'. Tiada istilah kalah dalam seni mempertahankan karate", jelas Mahmoud

Penasihat Kelab Karate USM sensei Jimmy Boey menasihati perserta untuk tidak berputus asa dan agar sentiasa berusaha untuk memperbaiki diri mereka sendiri.

Kekal harapan menang dalam Karnival Sukan Farmasi Kebangsaan

Pusat Pengajian Sains Farmasi telah mengadakan Majlis Penutup Karnival Sukan Farmasi USM pada 4 November di Dewan Utama Desasiswa (DUD), Universiti Sains Malaysia.

Majlis itu melibatkan semua siswa-siswi Sains Farmasi. Kira-kira 220 orang berkumpul dan menikmati jamuan dengan Penasihat Projek, Dr Yam Mun Fei dan pensyarah-pensyarah pusat pengajian tersebut.

Ketua Eksekutif Sukan Sains Farmasi merangkap Pengarah Projek, Kee Zheng Xun berkata, program ini berjaya dijalankan atas kesanggupan ahli-ahli pasukan mengorbankan masa dan tenaga dalam proses perancangan dan pelaksanaan.

Menurut Kee, persembahan siswa-siswi amat memuaskan dalam usaha menghadapi cabaran dan keterampilan untuk menewaskan lawan masing-masing dalam setiap pertandingan.

"Terdapat sebahagian siswa-siswi Sains Farmasi sanggup melibatkan diri dalam pelbagai acara pertandingan, walaupun mereka sibuk dalam tugasan kerja dan aktiviti lain," kata Kee

Kee menegaskan bahawa siswa-siswi Sains Farmasi harus menunjukkan semangat bersukan yang tinggi dan perlu sentiasa melengkapkan diri melalui latihan supaya dapat mengekalkan kedudukan johan dalam Karnival Sukan Farmasi Kebangsaan pada tahun depan.



Kee (tengah) memberi cenderamata kepada Yam (kiri) sempena Majlis Penutup Karnival Sukan Farmasi USM 2015 di Dewan Utama Desasiswa. GAMBAR VIVIANIE CHEN